



buletin Mutiara



1 – 15 OKTOBER, 2016



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

P. Pinang catat kadar pengangguran antara terendah dalam negara

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

BATU MAUNG – Kadar pengangguran di Pulau Pinang adalah antara terendah di Malaysia, iaitu sebanyak 1.5 peratus dengan kekurangan kira-kira 20,000 tenaga kerja di sektor pembuatan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika memaklumkan perkara tersebut melahirkan keyakinan bahawa pekerja yang diberhentikan baru-baru ini, ekoran penstrukturran dan penyusunan semula industri akan diserap oleh

industri baharu.

"Kitaran naik turun dalam industri pembuatan adalah satu perkara biasa kerana ia (industri pembuatan) mengalami penyusunan semula sepanjang masa.

"Penstrukturran dan penyusunan semula akibat perubahan persekitaran ekonomi ini bukan sahaja berlaku di Pulau Pinang, malah di peringkat global dan di mana-mana sahaja.

"Ia adalah sebahagian daripada sandaran industri yang mendorong kepada keuntungan, iaitu mendapat kerja atau kehilangan pekerjaan,"

ujarnya selepas Majlis Sambutan Ulang Tahun Pertama dan Pelancaran Fasa Kedua JA Solar di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, sungguhpun terdapat kilang-kilang yang ditutup, namun masih ada kilang-kilang baharu yang dibuka dan mengembangkan pelaburan sedia ada di negeri ini.

Jelas beliau, Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan semua pihak terutamanya Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) untuk membawa masuk pelabur-

pelabur baru dan menarik minat mereka ke Pulau Pinang.

"Elemen yang paling penting adalah bakat manusia atau sumber tenaga kerja.

"Sekiranya kita mempunyai infrastruktur terbaik, kemudahan yang terbaik, tetapi tidak mempunyai bakat manusia, tidak ada siapa atau pelabur yang akan datang.

"Justeru, untuk menarik lebih banyak syarikat pelabur datang ke sini, Kerajaan Negeri perlu terus bekerja keras untuk meningkatkan dan membina

bakat manusia melalui fokus terhadap inisiatif STEM iaitu sains, teknologi, kejuruteraan dan Matematik," ujarnya.

Terdahulu, Guan Eng merasmikan pembukaan Fasa Kedua JA Solar iaitu sebuah syarikat pengeluaran sel solar bertaraf antarabangsa dan tersenarai di dalam bursa saham Nasdaq (di Amerika Syarikat).

Bagi meningkatkan kapasiti pengeluarannya, JA Solar telah melabur sejumlah RM200 juta dengan menawarkan kira-kira 300 peluang pekerjaan baru.

Hasil GST Q2 2016 turun 30%, simbol ekonomi negara kian parah - Guan Eng

SEBERANG JAYA – Hasil kutipan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada suku kedua (Q2) tahun 2016, mulai bulan Mac hingga Jun lalu menyaksikan angka penurunan sebanyak 30 peratus berbanding tempoh sama Q1.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, ekonomi negara dan sektor perniagaan akan mengalami kesan berantai yang lebih parah jika Kerajaan Persekutuan masih berdegil untuk melaksanakan cukai baharu itu.

"Hasil kutipan GST jatuh kira-kira 30 peratus (pada Q2 berbanding Q1 2016) walaupun laporan tertentu yang dibuat sendiri oleh Kerajaan Persekutuan kononnya prestasi ekonomi negara bertambah kukuh dengan peningkatan sebanyak 3 peratus.

"Jika (hasil kutipan) GST adalah penanda aras



KETUA Menteri, Prof. Dr. P. Ramasamy (dua dari kanan) dan Soon Lip Chee (kanan sekali) bersama-sama beberapa kanak-kanak memerhatikan keunikan pelbagai peralatan robotik pada Majlis Perasmian Sudut Sains@ PPAPP di sini baru-baru ini. Gambar: DARWINA MOHD. DAUD. Berita lanjut di muka surat 16.

untuk mengukur tahap kesejahteraan rakyat dan ekonomi sesebuah negara, sepatutnya menunjukkan

peningkatan dan bukan penurunan (sehingga 30 peratus)," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan pada Perasmian

Majlis Pembukaan Sudut Sains @ PPAPP di Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Sumber Manusia dan Sains, Teknologi & Inovasi, Soon Lip Chee (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Jawi), Pengurus Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP), Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa yang juga Ahli Parlimen Parit Buntar turut serta majlis tersebut.

Guan Eng memberitahu, **hasil kutipan GST dalam Q1 2016 mulai bulan Januari hingga Mac keseluruhannya direkodkan sebanyak RM10.2 bilion.**

Tambahnya, **hasil GST pada Q2 tahun ini direkodkan berkurangan menjadi RM7.1 bilion sahaja.**

"Ini menunjukkan

rakyat semakin sukar untuk menanggung bebanan (hidup akibat GST).

"Sektor perniagaan kian menderita, manakala golongan 'makan gaji' semakin bermasalah dalam mencari rezeki.

"Kami (Kerajaan Negeri) telah berulang kali menegaskan bahawa GST akan memberi kesan negatif kepada negara," ujarnya.

Selain itu, Guan Eng turut menasihatkan Kerajaan Persekutuan supaya mengamalkan tadbir urus kewangan secara berintegriti dan berjimat-cermat.

Ini katanya, adalah demi memastikan jumlah hutang terkumpul Kerajaan Pusat tidak bertambah dengan mendadak ketika negara menghadapi situasi ekonomi global yang kian mencabar, kini.

Kutipan bersih GST bagi tempoh 1 April 2015 sehingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM27.01 bilion.

Hayati semangat hakiki Malaysia - KM

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : LAW SUUN TING

SEBERANG JAYA - Sempena Hari Malaysia, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menasihatkan semua pihak supaya menghayati semangat Malaysia yang hakiki.

Beliau berkata demikian pada Majlis Sambutan Hari Malaysia 2016 Peringkat Negeri Pulau Pinang, yang dilangsungkan di Dewan SP Arena di sini baru-baru ini.

"**Perlu diingatkan bahawa Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia merupakan tiga tunggak utama dalam pembentukan Malaysia.**

"**Tanpa salah satu daripada tiga (tunggak utama ini), tidak ada Malaysia oleh itu, ketiga-tiga entiti adalah rakan**

kongsi yang sama-rata," ucapnya pada majlis sambutan berkaitan.

Kesempatan sama, Guan Eng turut menzahirkan doa pengharapan agar Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff senantiasa dilimpahi kesenangan dan nikmat kesihatan, dalam usaha memakmurkan ekonomi negeri.

Selain itu, Guan Eng turut merakamkan penghargaan atas pengorbanan warganegara dari Sabah dan Sarawak dalam mengukuhkan 'semangat Malaysia'.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang hari ini sangat menekankan semangat kerjasama yang erat antara kaum di negeri ini, tanpa mengira latar belakang (rakyat).

"Kami di Pulau Pinang amat menghargai

sumbangan dan pengorbanan saudara-saudari kita dari Sabah dan Sarawak," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Majlis sambutan berkenaan turut disertai Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I), Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan merangkap ADUN Seberang Jaya) serta barisan pemimpin Kerajaan Negeri lain.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan Mufti Pulau Pinang, Sohibus Samah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Mohd. Noor merupakan antara 800 tetamu daripada pelbagai peringkat komuniti, jabatan

kerajaan, agensi berkanun dan perwakilan sekolah yang hadir pada majlis sambutan dan jamuan berkenaan.

Paling menarik pada sambutan kali ini, antaranya persembahan tradisional rumpun etnik Sabah dan Sarawak oleh Jabatan Kebudayaan Negeri Pulau Pinang serta sketsa "Kemerdekaan" daripada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Abdullah Munshi.

Pada majlis sama, Abdul Rahman turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang daripada keseluruhan 91 Kontinen Acara Perbarisan Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri, 31 Ogos lalu.

Malaysia ditubuhkan pada tanggal 16 September 1963, hasil gabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.



YANG di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif ditemani Setiausaha Perbandaran, Sr. Rozali Mohamud (berkopiah) menerima hadiah kemenangan daripada Dr. Abdul Rahman Abbas (tiga dari kiri) sambil diperhatikan Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri sempena Majlis Sambutan Hari Malaysia 2016 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

MPSP juara pertandingan kawad Hari Merdeka

GEORGE TOWN - Kontinen Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) buat julung kalinya muncul sebagai juara pertandingan perbarisan kategori sektor awam sempena sambutan Hari Kemerdekaan Ke-59 Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 31 Ogos lalu di Padang Kota Lama di sini.

Penolong Pengarah Kanan Direktorat Penguatkuasaan MPSP, Nazri Abdul Wahab memberitahu, itu adalah hasil komitmen latihan ketua kontinen, Jaafar Ismail bersama-sama 68 kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan.

"Hampir sebulan juga latihan dilakukan, dan ini kali pertama MPSP menjadi juara kawad perbarisan kategori sektor awam," katanya ketika dihubungi di sini baru-baru ini.

Kontinen MPSP membawa pulang piala pusingan, piala johan, cek hadiah bernilai

RM1,000 serta sijil johan.

Difahamkan, kira-kira 6,000 peserta mewakili 91 kontinen daripada agensi kerajaan dan swasta menyertai acara perarakar di Padang Kota Lama.

Acara dimulakan dengan perbarisan Jalur Gemilang utama oleh Kontinen Tentera Rejimen 509 Askar Wataniah dan Brass Band Tentera 3 Armor Diraja.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff turut menghadiri sambutan itu bersama-sama lebih 7,000 pengunjung berbilang bangsa.

Hadir sama, Y.A.B. Ketua Menteri Tuan Lim Guan Eng, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, barisan Exco Kerajaan Negeri serta anggota-anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) lain.

Pemenang Peraduan Mewarna & Lukis Poskad dimuktamad

GEORGE TOWN

- Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0 dan Peraduan Melukis Poskad anjuran Buletin Mutiara bermula 1 Ogos sehingga 1 Oktober lalu menerima sambutan hangat apabila lebih dari 1,000 penyertaan diterima.

Saringan akhir bagi pemilihan pemenang bagi kedua-dua peraduan disempurnakan oleh tiga juri profesional pada 10 Oktober lalu.

Mereka terdiri daripada Ketua Unit Pengurusan Sisa Pepejal, Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK), Oon Lai Kuan, Timbalan Pengurus Besar Unit Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (CMI), S. Bharathi dan Penolong Pengarah (Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Rafidah Zainal Hassan.

Mewakili barisan panel, Bharathi berkata, pemilihan dilakukan berdasarkan kreativiti, tema dan keceriaan.

"Tandas yang ceria kebiasaannya adalah tandas yang bersih, jadi kami (juri) memilih hasil kreativiti yang mampu membawa mesej Kerajaan Negeri kepada masyarakat Pulau Pinang.

"Saya juga yakin, melalui peraduan seperti ini, mesej Kerajaan Negeri akan sampai dengan jelas kepada rakyat dalam melahirkan generasi yang menjaga kebersihan tandas," ujarnya sejurus selesai saringan akhir pemilihan pemenang di sini baru-baru ini.

Para pemenang akan dihubungi pihak pengajur untuk hadir pada majlis penyampaian hadiah yang dijadualkan berlangsung pada



(Dari kiri), OON Lai Kuan, S. Bharathi dan Rafidah Zainal Hassan menunjukkan hasil karya sebahagian pemenang Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0 dan Peraduan Melukis Poskad anjuran Buletin Mutiara pada pemilihan saringan akhir di sini 10 Oktober lalu.

22 Oktober 2016 di Mydin Mall Bukit Mertajam, Jalan Baru, Perai.

Senarai pemenang adalah sebagaimana di Lampiran A.

Senarai Pemenang Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0

MUHAMMAD AQIL ILHAM BIN IBRAHIM	101020-07-XXXX
FONG JIA XIN	051017-07-XXXX
CHEW YU QI	080701-07-XXXX
ELENI LOH YEE CHERN	040227-07-XXXX
GOPILKA A/P SELVAM	070521-07-XXXX
NURUL AIN HAZIRAH BINTI ARMAN	080609-07-XXXX
TAN XIN YUEN	050423-07-XXXX
FONG JIA CONG	040703-07-XXXX

Senarai Pemenang Peraduan Melukis Poskad

Kategori (1) : Pelajar Sekolah, Kolej & IPT

ONG YI LING	031025-07-XXXX
ONG YI CHWEEN	021020-07-XXXX
GOH JIA YU	030418-07-XXXX

Senarai Pemenang Peraduan Melukis Poskad

Kategori (2) : Terbuka

CHEW WAN YII	940329-07-XXXX
CHEW WAN XIN	940329-07-XXXX
YEOH LIAK MOEY	760229-07-XXXX

LAMPIRAN A.

Sesi pengurusan kes KM 6 Disember



RAKYAT, barisan kepimpinan Pakatan Harapan dan ahli keluarga Ketua Menteri berjalan mengiringi beliau menuju ke kamar Mahkamah Tinggi 2 Pulau Pinang pada 30 September lalu di sini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD.
DAUD & SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN – Sesi pengurusan kes Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menuduh Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng akan dilakukan pada 6 Disember ini.

Ketika membuat ketetapan itu, Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, Y.A. Datuk Hadhariah Syed Ismail meminta pihak pendakwaan supaya melengkapkan indeks pada lebih 13,000 halaman dokumen yang akan dirujuk pada sesi perbicaraan nanti.

"Hakim Yang Arif Bijaksana membuat keputusan supaya kita (pendakwaan dan pembelaan) selesaikan isu ini, (iaitu) memohon pihak pendakwaan supaya membekalkan kepada semua pihak dalam prosiding ini suatu indeks yang selaras dan konsisten, agar dapatlah kita meneruskan perbicaraan ini tanpa masalah dokumen," kata Gobind Singh Deo kepada pemberita di luar Mahkamah Tinggi 2 dekat Kompleks Mahkamah Tinggi Pulau Pinang di sini



GOBIND Singh Deo dan R.S.N. Rayer ketika tiba di perkarangan Kompleks Mahkamah Pulau Pinang.

30 September lalu.

Gobind yang juga Ahli Parlimen Puchong mengetuai pasukan pembelaan Guan Eng bersama-sama dua anggota lain, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer dan Ramkarpal Singh (Ahli Parlimen Bukit Gelugor).

Timbalan Pendakwa Raya (TPR), Masri Mohd. Daud pula mengetuai pasukan pendakwaan bagi mengantikan Peguam Negara (AG), Tan Sri Mohamed Apandi Ali sebelum ini.

Anggota pasukan pendakwaan lain adalah TPR Mohd. Dusuki Mokhtar, TPR Budiman Lutfi Mohamed, TPR Muhammad Ashrof Adrin Kamarul, TPR Mohd. Zain Ibrahim dan TPR Muhammad Fadzlan Mohd. Noor.

Guan Eng pada sidang media selepas itu berkata, perjuangan untuk membela rakyat yang dibebani Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan sebagainya tidak akan terjejas disebabkan perbicaraan kes ini.

"Kita tidak mahu perhatian dialihkan dan kita (Kerajaan Negeri) akan terus memberi keutamaan terhadap masalah



SEBAHAGIAN rakyat Pulau Pinang yang hadir sebagai tanda sokongan.

rakyat yang sekarang ini kian hari kian susah.

"Sesungguhnya, saya perlu menghadapi dakwaan tersebut untuk membuktikan bahawa kita (Kerajaan Negeri) bersih", ujarnya sambil merakamkan penghargaan atas sokongan moral yang dizahirkan di luar mahkamah sejak awal pagi.

Pada 30 Jun lalu, Guan Eng dituduh di bawah Seksyen 23 Akta SPM 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24 Akta yang sama serta Seksyen 165 Kanun Keseksaaan (Akta 574).

Seksyen 23 Akta SPM akan membawa hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan, atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Seksyen 165 Kanun Keseksaaan (Akta 574) membawa hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun, atau denda, atau kedua-duanya sekali.

Di kamar perbicaraan sama, Phang Li Koon dituduh bersubahat di bawah Seksyen 109 Kanun Keseksaaan (Akta 574) yang dibaca bersama Seksyen 163 kanun sama, membawa hukuman penjara maksimum setahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Seksyen 109 Kanun Keseksaaan pula membawa hukuman penjara maksimum lima tahun atau dengan denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Guan Eng dibebaskan dengan ikat jamin RM1 juta dengan seorang penjamin.

Selain itu, Guan Eng turut dikenakan syarat tambahan iaitu wajib memaklumkan kepada Pendakwaraya dan Mahkamah dua hari sebelum beliau ke luar negara.

Manakala, Li Koon dibenarkan ikat jamin RM200,000 dengan seorang penjamin, tanpa syarat tambahan.

AG dapat kebenaran mula prosiding penjarakan Guan Eng

Kenyatan media Gobind Singh Deo bertarikh 22 September 2016.

SAYA telah membaca beberapa laporan akhbar bahawa Peguam Negara (AG) telah mendapat kebenaran memulakan prosiding pengkomitan terhadap Lim Guan Eng supaya beliau dipenjarakan atas penghinaan mahkamah.

Saya masih belum diserahkan kertas kausa berhubungan dengan permohonan pengkomitan tersebut.

Saya akan mengulas dengan lanjut berhubung dengan permohonan tersebut selepas saya menerima dan meneliti kertas kausa yang berkenaan, sekiranya perlu.

Buat masa ini, memandangkan laporan meluas telah dibuat mengenai perkara tersebut, adalah cukup bagi saya menyatakan seperti berikut:

Anak guam saya memandang serius tohmann-tohmann terhadapnya yang mencadangkan bahawa beliau telah dalam apa jua cara, memalukan mahkamah dan/atau mengganggu pentadbiran keadilan berhubung dengan beberapa kenyataan akhbar yang dibuat oleh beliau selepas didakwa atau beliau telah mengancam pentadbiran keadilan, menjelaskan keyakinan orang awam terhadap badan kehakiman, dan/atau menghina maruah dan integriti mahkamah-mahkamah Malaysia seperti yang didakwa.

Kami mempunyai arahan tegas untuk menentang sepenuhnya pemohonan tersebut bagi pihak anak guam kami dan akan mengambil segala langkah yang perlu di mahkamah untuk membebaskan beliau daripada tuduhan-tuduhan tersebut dan kami akan melakukan apa yang perlu dalam mencapai keadilan bagi pihak anak guam kami dengan segera.

Tuduhan-tuduhan terhadap Lim Guan Eng adalah amat berat dan mempunyai implikasi-implikasi yang serius terhadap beliau. Oleh itu, kami merizabkan segala hak anak guam kami dalam hal ini mahupun perkara-perkara yang berkaitan dalam apa jua keadaan.

Persempadanan semula kawasan pilihan raya, KN nyatakan rasa tidak setuju

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB & NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : ALISSALA THIAN

BAGAN JERMAL – Kerajaan Negeri menyatakan rasa tidak bersetuju terhadap Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berhubung usul persempadanan semula kawasan pilihan raya di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, usul suruhanjaya itu seakan tidak berdasarkan prinsip 'one man, one vote, one value' serta persempadanan efektif dan adil.

"Kita berasa sangat dukacita kerana mereka (SPR) tidak cuba samakan semua kawasan."

"Contohnya (Kawasan Dewan Undangan Negeri) Paya Terubong, dia (SPR) tambah bilangan pengundi kira-kira 41,000 orang, sedangkan kawasan saya dia (SPR) kurangkan (jumlah) pengundi (berdaftar) saya tinggal 12,000 orang sahaja."

"Ini yang saya bantah, mengapa kurangkan pengundi di kawasan saya (KADUN Air Putih).

"Di Pulau Pinang (usul persempadan semula kawasan pilihan raya) kurang adil, tetapi kesannya tidak sebesar di negeri-negeri lain. Ini sangat-sangat kurang adil kerana seakan cuba memastikan Umno Barisan Nasional (BN) 'menang balik'.

"Kita akan kemukakan bantahan, dan mungkin kita akan buat kajian lanjut sama ada boleh atau tidak untuk memfaillkan



NG Wei Aik (kiri sekali) dan Sim Tze Tzin (tiga dari kiri) ketika mengadakan pertemuan dengan Fuad Mohd. Sharif (kanan sekali) di pejabat SPR negeri di sini baru-baru ini.

saman di mahkamah juga," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan kepada pemberita pada sidang di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam menyerahkan RM100,000 cek sumbangan kepada Guru Besar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Mak

Mandin, N. Vijayakumar untuk projek pembangunan sekolah tersebut.

Bermula 15 September lalu, SPR melaksanakan Kajian Semula Persempadanan bagi kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sabah.

Kajian semula itu dilaksanakan mengikut peruntukan Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan dan pindaan kepada Fasal (2) Perkara 14 Perlembagaan Negeri Sabah yang diwartakan pada 18

Ogos lalu.

Syor Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sabah turut dipamerkan selama satu bulan bermula 15 September hingga 14 Oktober 2016, bagi mendapatkan maklum balas awam serta proses bantahan semua pihak berwajib.

Mewakili Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin yang mewakili Parti Keadilan Rakyat (KeADILan) dan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik (wakil Parti Tindakan Demokratik, DAP) pada 15 September lalu mengadakan pertemuan dengan Pengarah SPR Negeri Pulau Pinang, Fuad Mohd. Sharif.

Hanya Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa yang mewakili Parti Amanah Negara (AMANAH) tidak dapat hadir pada pertemuan tersebut. SPR dalam pertemuan itu memaklumkan cadangan persempadanan semula kawasan pilihan raya hanya membabitkan Parlimen Balik Pulau dan Kepala Batas.

Ini kerana, menurut SPR, kedua-dua kawasan terbabit mengalami perubahan populasi penduduk serta pertambahan kawasan taman perumahan.

Tze Tzin bagaimanapun meminta SPR supaya mengemukakan peta persempadanan semula lama dan baharu serta senarai daftar pemilih induk kepada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

"Saya fikir kami (Kerajaan Negeri) akan balik untuk mengkaji perkara yang mereka (SPR) maklumkan," jelas beliau.

Isu sukar jual rumah perlu perbincangan lanjut semua, syor Jagdeep

GEORGE TOWN – Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, semua Exco Perumahan Kerajaan Negeri dan Bank Negara Malaysia (BNM) wajar berbincang lanjut mengenai isu rumah mampu milik yang begitu sukar dijual kepada rakyat di tanah air ini.

Menurut Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, isu tersebut disebabkan BNM sendiri mengetarkan syarat kelayakan memohon pinjaman perumahan bank.

"Sebab utama penurunan jumlah transaksi (jual beli) hartanah adalah disebabkan kesukaran untuk mendapat pinjaman perumahan (bank).

"Saya percaya, kadar penolakan permohonan pinjaman bank melebihi 60 peratus, sebab itu Menteri mencadangkan idea (pemberian lesen pinjaman tunai kepada pemaju) ini.

"Justeru, saya berharap Kerajaan Pusat dapat mengkaji semula (cadangan) melonggarkan syarat kelayakan permohonan pinjaman bank ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada sidang



(Dari kiri), LIM Siew Khim, Jagdeep Singh Deo dan Soon Lip Chee menunjukkan dokumen-dokumen berkaitan pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan ADUN Jawi, Soon Lip Chee.

Pada sidang media berasingan, Jagdeep memberitahu, isu berbangkit

berkaitan turut dibincangkan dalam penganjuran *Malaysian Secondary Property Exhibition Penang 2016* (MASPEX2016), yang berlangsung mulai 22 hingga 25 September lalu.

Ketika itu, Pengurus Institut Ejen-Ejen Hartanah Malaysia (MIEA) Negeri

Pulau Pinang, Mark Saw mendedahkan, jumlah transaksi jual beli harta tanah menurun sebanyak 4.3 peratus pada tahun 2014 berbanding 2013, dan terus menurun 16 peratus pada tahun lalu.

Berdasarkan statistik suku pertama (Q1) tahun 2016, menurut Mark, nilai transaksi jual beli rumah mampu milik (RMM) semua kategori direkodkan sebanyak RM324.72 juta sahaja, berbanding RM401.48 juta pada tahun 2015, dengan gambaran penurunan jumlah jual beli harta tanah adalah sebanyak 23.6 peratus.

"Untuk Q1 (suku pertama) tahun 2016 (Januari hingga Mac), jumlah jualan kondominium atau pangsapuri adalah sebanyak 537 (unit), berbanding tempoh sama pada tahun 2015 berjumlah 655 unit (iaitu) penurunan sebanyak 22 peratus," jelasnya.

Jagdeep pula menggesa BNM supaya melonggarkan kembali syarat kelayakan memohon pinjaman perumahan bank, supaya lebih ramai rakyat mampu memiliki rumah mampu milik (RMM) pelbagai kategori yang dibina oleh pemaju di negeri ini.

Penerima AES syukur, kongsi kegembiraan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

AIR ITAM – Tiga keluarga yang menetap di rumah pangsa kos rendah dekat Kampung Melayu di sini menzahirkan rasa syukur apabila menerima sumbangan Agenda Ekonomi Saksama (AES) Kerajaan Negeri yang disampaikan sendiri oleh Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Wong Hon Wai baru-baru ini.

Mereka ialah S. Panchawarnam, 30, Jameelah Abdul Haq, 71, dan Khairoon Bee C.K Moosa, 71.

Hon Wai berkata, Kerajaan Negeri saban tahun membelanjakan kira-kira RM3.9 juta dalam merealisasikan bantuan AES kepada golongan yang memerlukan.

“AES bertujuan menambah pendapatan isi rumah dan Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat membantu mereka yang memerlukan dalam menjalani kehidupan dengan lebih selesa,” ujarnya yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri bersempena lawatan berkaitan.

Turut sama, Penghulu Kawasan Air Itam dan Batu



ONG Hon Wai (dua dari kanan) sambil ditemani Saad Khalid (dua dari kiri) mendukung salah seorang anak S. Panchawarnam (empat dari kiri) pada sesi lawatan khas di sini baru-baru ini.

Uban, Saad Khalid serta perwakilan penduduk setempat.

Menurut Hon Wai, setiap keluarga yang memiliki pendapatan kurang dari RM790 sebulan, layak untuk memohon bantuan AES.

“Contohnya, sebuah isi rumah yang memperoleh pendapatan RM500 sebulan, maka Kerajaan Negeri akan top-up RM290 menjadikan jumlah pendapatan bulanan RM790 sebulan.

“Malah, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng sebelum ini turut berharap

pengenalan AES dapat mengurangkan jurang pendapatan dalam kalangan masyarakat di Pulau Pinang, setelah Kerajaan Negeri berjaya membasmi kemiskinan tegar pada tahun 2009,” jelasnya.

Sejak diperkenalkan pada 2009, AES telah memanfaatkan 1,244 keluarga yang memerlukan di seluruh Pulau Pinang dengan jaminan setiap keluarga menerima sekurang-kurangnya RM790 sebulan.



JAMEELAH Abdul Haq dan Nor Shafinaz Muhammad.

Anak kepada Jameelah, NOR SHAFINAZ MUHAMMAD, 34, memberitahu, beliau amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri, khususnya wakil rakyat yang membantu keluarganya sejak April 2012.

“Kami sekeluarga menerima (bantuan AES) lebih kurang RM260 sebulan, namun selepas ini saya dikehendaki mengemaskini maklumat sedia ada kerana kini saya tidak lagi bekerja kerana mengambil tanggungjawab menjaga ibu (Jameelah) yang uzur (lumpuh),” ujarnya yang turut tinggal bersama anaknya berusia 14 tahun.

Dalam pada itu, ketua keluarga kepada tiga cahaya mata, PANCHAWARNAM turut berkongsi kegembiraan apabila menerima kunjungan Hon Wai baru-baru ini.

“Terima kasih YB (Hon Wai)

kerana membantu kami sekeluarga dengan AES ini.

“Kebiasaannya, wang dari AES ini saya guna untuk membayar sewa rumah sebanyak RM300 sebulan dan selebihnya saya akan beri kepada anak-anak serta keperluan dapur,” jelasnya yang menerima sumbangan AES sejak Julai 2016.

Turut berkongsi kegembiraan, ibu tunggal, KHAIROON BEE, yang berkerusi roda akibat keuzuran.

Beliau yang tinggal bersama-sama anaknya, Amri Osman, 43, yang merupakan seorang orang kurang upaya (OKU) pendengaran, bersyukur dengan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap rakyatnya yang memerlukan.



KHAIROON Bee C.K Moosa.

Terus bendung penularan demam denggi - Exco

BATU UBAN – Walaupun kes demam denggi di negeri ini mencatatkan penurunan, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin bagaimanapun tetap melahirkan kebimbangan berhubung jumlah kematian yang dicatatkan sehingga kini.

Mengikut statistik Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang, pada minggu ke-37 tahun ini, data kumulatif menunjukkan sebanyak 2,132 kes denggi dicatatkan di Pulau Pinang berbanding 3,868 kes untuk tempoh sama tahun lalu.

“Jumlah kes demam denggi mencatatkan penurunan sebanyak 44.88 peratus.

“Bagaimanapun, kita (Kerajaan Negeri) masih bimbang dengan statistik kematian yang sudah mencecah 12 kes tahun ini berbanding sembilan kes bagi tempoh sama tahun lalu, iaitu peningkatan sebanyak 33.3 peratus,” ujarnya yang ditemui ketika hadir ke program semburan kabus (fogging) pintu terbuka dekat Desa Bestari di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu

Uban, Dr. T. Jayabalan dan Pegawai Perubatan JKN Daerah Timur Laut, Justen Wong.

Afif dalam pada itu, menggesa orang ramai agar terus membendung penularan demam denggi dengan membasmi tempat-tempat pemberian nyamuk aedes dengan

menggunakan semburan aerosol, bergotong-royong dalam komuniti dan menjaga kebersihan kawasan persekitaran.

“Pada masa sama, saya juga meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya dapat melakukan pemantauan ke atas tapak-tapak projek



DR. Afif Bahardin turut serta dalam operasi menyembur kabus di Desa Bestari, Batu Uban baru-baru ini.

Sektor pertanian, perikanan & veterinar P. Pinang catat pertumbuhan

SEBERANG JAYA – Impian rakyat untuk menyaksikan acara tahunan seperti Pesta Pulau Pinang di bahagian Seberang Perai akhirnya menjadi kenyataan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan sedemikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Pembukaan Seberang Perai Fiesta 2016, yang berlangsung pada 14 hingga 18 September lalu di Tapak Ekspo Seberang Jaya.

"Itulah sebabnya bagi acara berkembar Pesta Pulau Pinang, sekarang buat julung-julung kalinya diadakan Seberang Perai Fiesta.

"(Seberang Perai Fiesta) mempunyai potensi yang baik, bergantung kepada mutu pengurusan serta idea inovasi dan kreatif, barulah boleh menarik pengunjung khususnya anak-anak muda.

"Saya bukan minta (Seberang Perai Fiesta) ini diadakan selama sebulan seperti Pesta Pulau Pinang, tapi pada tahun depan diadakan lebih lama (berbanding lima hari pada tahun ini)," jelasnya.

Turut berucap, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya serta Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng, Dato' Maktar Shapee (Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, DUN Pulau Pinang), Dato' Seri Farizan Darus



KETUA MENTERI sambil diperhatikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri mencuba bakat menghasilkan kuih takoyaki pada pengajuran Seberang Perai Fiesta 2016 di sini baru-baru ini.

(Setiausaha Kerajaan Negeri) dan ketua-ketua jabatan Kerajaan Negeri

Menurut Guan Eng, **sektor pertanian, perikanan dan veterinar negeri ketika ini mencatatkan pertumbuhan, sungguhpun Pulau Pinang dikenali sebagai negeri perindustrian.**

Justeru katanya, pengajuran Seberang Perai Fiesta 2016 sekaligus merupakan pengiktirafan Kerajaan Negeri atas sumbangan golongan petani,

penternak, nelayan serta usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) untuk rakyat Pulau Pinang.

"Peningkatan hasil ini menunjukkan hala tuju cekap dan telus oleh Kerajaan Negeri dan juga jabatan-jabatan yang terlibat disambut baik oleh warga tani di negeri ini," ujarnya yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Hasil tangkapan ikan bagi tahun 2014 adalah sebanyak 45,880 tan metrik atau

RM463 juta, dan meningkat RM21 juta pada tahun 2015 dengan rekod 49,782 tan metrik atau RM484 juta.

Nilai hasil ternakan pada 2014 pula dicatatkan peningkatan RM93.38 juta menjadi RM844.10 juta berbanding tahun sebelumnya. Bagi tahun 2015, nilai hasil ternakan adalah sebanyak RM832.11 juta dengan nilai komoditi utama adalah ayam dan khinzir.

Hasil dalam bidang pertanian bagi tahun 2015 keseluruhanya berjumlah RM477 juta berbanding RM429 juta pada tahun 2014, dengan jumlah hasil meningkat sebanyak RM48 juta.

Bagi sektor perikanan akuakultur, jumlah bagi tahun 2015 adalah sebanyak 58,682 tan metrik dengan nilai RM1,114 juta.

Sebelum itu, Afif dalam ucapannya memberitahu bahawa Seberang Perai Fiesta 2016 adalah gabungan tiga acara, iaitu Agrofest, Food Mega Festival dan Tanjung Art Fest.

Menurut beliau, lebih 100 gerai pameran makanan terpilih dari seluruh negara dibuka sepanjang fiesta sulung peringkat Seberang Perai berkaitan, termasuk acara 'Food Truck'.

Maimunah pula menyatakan, idea pengajuran Seberang Perai Fiesta dicetuskan oleh Guan Eng sendiri, ketika berlangsung Pesta Pulau Pinang pada hujung tahun lalu.

Tuah Lee Cook bawa kemenangan kepada pengusaha restoran

Gambar : LAW SUUN TING

SEBERANG JAYA – Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu, merupakan ungkapan paling sesuai bagi seorang pengusaha restoran dari Kuala Terengganu, Terengganu yang membela ayam serama sebagai hobi.

Mohd. Lazim Mohamad, 48, membawa pulang hadiah wang tunai keseluruhan bernilai RM600 dalam Pertandingan Kesenian dan Kecantikan Ayam Serama Peringkat Negeri Pulau Pinang bersempena pengajuran Seberang Perai Fiesta 2016 di sini baru-baru ini.

Daripada jumlah tersebut, kemenangan ayam serama beliau yang dinamakan "Lee Cook" bagi keseluruhan Kategori Serama B, membolehkannya membawa pulang wang tunai RM500 beserta sebuah piala.

Malah, kejayaan Mohd. Lazim yang dinobatkan gelaran 'King of Penang' memperuntukkan hadiah wang tunai RM100 dan trofi.

"Saya telah memenangi pertandingan ayam serama dalam pelbagai kategori selama lima tahun berturut-turut, dan kali ini merupakan kali pertama saya memenangi hadiah untuk keseluruhan."

"Saya amat teliti dalam menjaga ayam saya, dan akan pastikan kebersihan serta kesihatan mereka (ayam serama) terjaga," ujarnya ketika ditemui di Tapak Ekspo Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Exco Pertanian dan



DR. AFIF BAHARDIN (tiga dari kiri) mengambil peluang merakam aksi seekor ayam serama pada Pertandingan Kesenian dan Kecantikan Ayam Serama Peringkat Negeri Pulau Pinang bersempena pengajuran Seberang Perai Fiesta 2016 di sini baru-baru ini.



DR. SITI SALMIYAH TAHIR bergambar kenangan dengan Mohd. Lazim Mohamad.

"Malah, ia (pertandingan) dapat menanam semangat perpaduan dalam kalangan peserta yang mengambil bahagian," ujarnya yang turut melihat industri unggas itu sebagai medium penjanaan ekonomi komuniti.

Turut sama, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang, Dr. Siti Salmiyah Tahir.

Hampir 1,000 ekor ayam membabitkan sebanyak 300 peserta dari seluruh negara mengambil bahagian dalam pertandingan berkaitan.

LEE COOK menunjukkan pose menarik di samping trofi kemenangannya.

Lagi berita di muka surat 7.

CK Chocolate Macciato juara Cat Fest



SEORANG pengunjung terpegun melihat 'kecantikan' salah seekor kucing yang mengambil bahagian.

Oleh : SYARAFANA ALI

SEBERANG JAYA

Pertandingan *Cat Fest* yang diadakan sempena penganjuran Seberang Perai Fiesta 2016 bukan sahaja menobatkan kucing peliharaan terbaik, malah turut membawa mesej sayangi kucing menerusi Kempen Sayangi Haiwan Kesayangan.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin

percaya *Cat Fest* yang dianjurkan bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang dan Kelab Kucing Malaysia (KKM) bukan sahaja membuka peluang kepada pencinta haiwan manja berkenaan, malah juga mampu memberi kesedaran kepada umum tentang peri pentingnya menjaga serta menyayangi kucing peliharaan.

"Menerusi kempen yang diadakan ini, orang ramai akan tahu bagaimana untuk menjaga dan



DR. Afif Bahardin (tiga dari kiri) ditemani Maimunah Mohd. Sharif (tengah) dan Dr. Siti Salmiyah Tahir (dua dari kiri) menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang pertandingan *Cat Fest* di sini baru-baru ini.

menyayangi kucing masing-masing tanpa mengabaikan ia," katanya yang ditemui Buletin Mutiara di Dewan Serbaguna Tapak Ekspos Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Turut sama, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif dan Pengarah JPV Pulau

Pinang, Dr. Siti Salmiyah Tahir.

Sebanyak 100 ekor kucing peliharaan pelbagai spesies mengambil bahagian dalam pertandingan yang mendapat tajaan pengeluar makanan kucing tempatan, *Power Cat*.

CK Chocolate Macciato milik Mazlan Chik Rus dari

Perak dinobatkan sebagai juara keseluruhan apabila mengungguli kategori 'Best in Show', 'Best Shorthair' dan 'Best Female Shorthair'.

Turut diadakan, pertunjukan fesyen kucing dan sesi bual bicara yang dihadiri oleh pakar-pakar penjagaan kucing.

Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD &
LAW SUUN TING



SEBAHAGIAN jentera pertanian yang dipamerkan.

Klik Buletin Mutiara



TEKNIK penanaman padi efektif yang dipamerkan.



SEORANG pengunjung sedang mencuba tudung yang dijual.



AKSI salah seorang peserta pertandingan mengukir buah.



LANDSKAP menarik di gerai pameran Jabatan Pertanian Pulau Pinang.



SALAH seorang pengunjung merakam gambar kambing kacukan yang dipamerkan.

Stesen Pam Bukit Dumbar 2, jamin bekalan air & elak catuan air

Oleh : WATAWA NATAF

ZULKIFLI

Gambar : SHUM JIAN-WEI

BATU LANCHANG – Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) membelanjakan RM11.9 juta bagi membina Stesen Pam Bukit Dumbar 2 (BD2) sebagai memantapkan jaminan bekalan air dan sekaligus mengelakkan catuan air.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, **stesen pam tersebut direka bentuk untuk mengepam sehingga 270 juta liter air sehari demi memenuhi keperluan 315,000 pengguna di bahagian pulau.**

"Jumlah tersebut merangkumi 40 peratus kapasiti penduduk di bahagian pulau dan dalam menjamin tiada catuan air, kita (Pulau Pinang) tidak boleh bergantung kepada hujan semata-mata, jadi kita perlu membina infrastruktur yang efisien seperti BD2."

"Secara tidak langsung, inisiatif ini juga dapat meningkatkan keyakinan pelabur untuk datang ke Pulau Pinang," katanya pada Majlis Perasmian BD2 di sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN pengunjung meneliti pelan BD2 yang dipamerkan bersempena majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Pengurus Besar PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah PBAPP.

Stesen Pam BD2 akan menyokong kapasiti air dari Stesen Pam Bukit Dumbar 1 yang beroperasi sejak tahun 1980.

Menurut Guan Eng yang juga Penggerusi PBAPP, pembinaan stesen pam tersebut merupakan sebahagian daripada pelan pembangunan

PBAPP bagi tahun 2016 demi menjaga kelangsungan pembekalan air di negeri ini.

"Tahun ini, kita (PBAPP) menjalankan beberapa projek menambah baik infrastruktur air merangkumi Paket 12 Rawatan Loji Air Sungai Dua bernilai RM54.9

Tarif air P. Pinang termurah, tetapi catat penggunaan tertinggi dalam negara - KM

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberi jaminan bahawa Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk mengenakan catuan air di negeri ini selaras dengan prinsip 'tiada catuan air walau apa cara sekalipun'.

Guan Eng yang juga Penggerusi (Bukan Eksekutif) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) berkata, para pelabur di negeri ini tidak perlu bimbang kerana Pulau Pinang berpegang kepada prinsip tiada catuan air.

"Walaupun kebanyakan negeri menghadapi isu bekalan air, kita di Pulau Pinang berbangga kerana masih mengekalkan rekod tanpa catuan air sejak 60 tahun lalu walaupun dalam keadaan cuaca yang tidak menentu."

"Buat masa ini, paras air di Empangan Air Itam hampir penuh dan Empangan Teluk Bahang telah mencecah kapasiti 55 peratus.

"(Dan) kita (Kerajaan Negeri) memberi jaminan

kepada semua pelabur bahawa pihak pengurusan PBAPP akan bekerja keras dalam memastikan prinsip tiada catuan air dikekalkan dan pada masa sama memastikan bahawa kita (Pulau Pinang) mempunyai bekalan air alternatif juga," ujarnya pada sidang media selepas merasmikan Minggu Genetik B. Braun dekat Wisma Yeap Chor Ee di sini baru-baru ini.

Walau bagaimanapun, Guan Eng sedikit terkilan apabila Pulau Pinang mencatatkan penggunaan air tertinggi iaitu 300 liter padu per kapita sehari (l/c/d) di Malaysia berbanding purata nasional sebanyak 212 l/c/d.

"Kita (Pulau Pinang) menjadi negeri yang mencatatkan tarif air termurah dan terendah iaitu RM0.32, tetapi menjadi pengguna air tertinggi dalam negara iaitu 300 l/c/d, walaupun

PBAPP telah melaksanakan surcaj (WCS) bagi penggunaan melebihi 35,000 liter sebulan," ujar beliau.

Minggu Genetik, pendedahan awal kerjaya bidang bioperubatan

PENDEDAHAN AWAL...

SERAMAI 248 pelajar sekolah rendah dan menengah dari 15 sekolah seluruh Pulau Pinang dipilih untuk menyertai bengkel dianjurkan syarikat pembekalan penyelesaian perubatan terkemuka dunia dari Jerman, B. Braun sempena Minggu Genetik pada tempoh 26 hingga 30 September lalu.

Selain memberi pendedahan tentang keajaiban genetik, bengkel tersebut juga mampu memberikan inspirasi kepada mereka untuk menceburi bidang bioperubatan sebagai kerjaya pada masa hadapan.

Hadir merasmikan pengajuran yang diadakan di Wisma Yeap Chor Ee di sini adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut sama, Presiden B. Braun Medical Industries (Asia Pacific Region), Anna Maria Braun dan Pengarah Penang Science Cluster, Datuk Yoon Chon Leong.



KETUA Menteri bertanyakan sesuatu kepada dua peserta bengkel sambil diperhatikan Anna Maria Braun (dua dari kanan) pada Majlis Perasmian Minggu Genetik B. Braun dekat Wisma Yeap Chor Ee di sini baru-baru ini.

juta, dua kolam air terawat konkrit di Jawi, Seberang Perai Selatan (SPS) bernilai RM16.7 juta dan membina saluran paip 900 milimeter (mm) dari Sungai Keluang sepanjang Jalan Tun Dr. Awang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dengan kos RM6 juta," jelasnya.

Mengulas lanjut, Guan Eng turut melahirkan kekesalan terhadap **Kerajaan Pusat yang masih gagal menyiapkan projek naiktaraf Empangan Mengkuang (MDEP) yang tertunda selama 12 bulan serta tiada sebarang kemajuan dalam Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) yang dicadangkan Kerajaan Negeri sejak 2008.**

"Kerajaan Negeri pada tahun 2011 telah menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Pusat untuk Inisiatif Penstrukturkan Semula Perkhidmatan Bekalan Air Negara (NSWRI) yang mencakupi MDEP dan SPRWTS.

"Ini bukan sahaja memberikan kebaikan kepada negeri ini, bahkan impak positif kepada Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER) di wilayah utara," ujarnya.

Exco bentang pelan induk tebatan banjir SPT

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN - Pelan Induk Tebatan Banjir dan Saliran Mesra Alam Seberang Perai Tengah (SPT) mampu mengurangkan kawasan banjir sedia daripada 55 kilometer persegi kepada 15 kilometer persegi atau menyamai 82 peratus lokaliti di daerah berkenaan, jika dilaksanakan sepenuhnya dalam tempoh lima tahun mulai 2017.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pelan tersebut akan dijadikan rujukan utama kepada sektor awam dan swasta dalam melaksanakan pembangunan masa depan negeri.

Jelas beliau, **tujuan utama kajian tersebut adalah bagi menyediakan suatu pelan jangka panjang (2030) bagi mengatasi masalah banjir serta sistem saliran sedia ada dan akan datang, dengan mengambil kira kriteria aspek kawalan kualiti serta kuantiti selaras dengan keperluan Manual Saliran Mesra Alam (MASMA).**

"Setelah siap PIP (Pelan Induk Pengangkutan), kini Kerajaan Negeri mewujudkan suatu pelan induk untuk menangani isu banjir kilat mengikut daerah pula.

"Pelan induk ini akan



CHOW Kon Yeow (tiga dari kanan), Ir. Sabri Abdul Mulok (dua dari kanan) dan tiga anggota MKK Tebatan Banjir pada sidang media pembentangan Pelan Induk Tebatan Banjir dan Saliran Mesra Alam Daerah SPT di sini baru-baru ini.

mengurangkan 82 peratus kawasan yang seringkali dilanda banjir, merangkumi pelindungan sehingga ke tahap 50 tahun ARI (Ulang Tahun Kejadian)," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut serta, tiga anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Tebatan Banjir, Dr. Norlela Ariffin (ADUN Penanti), Soon Lip Chee (ADUN Jawi) dan Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang). Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri, Ir. Sabri Abdul Mulok hadir sama

bagi membentangkan pelan berkaitan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, cadangan pelaksanaan pelan induk peringkat SPT sahaja dianggarkan menelan belanja kira-kira RM1 bilion.

Difahamkan, Pelan Induk Tebatan Banjir dan Saliran Mesra Alam Daerah-daerah Negeri Pulau Pinang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2018.

Sebelum itu, Sabri membentangkan pelan berkenaan sebagaimana diumum oleh Kon Yeow.

Pelan tersebut, menurut beliau, memuatkan peta kawasan banjir berbahaya, pelan cadangan aras ketinggian tapak pembangunan masa depan, informasi kelebaran rizab sungai dan parit serta syor pengindahan landskap koridor sungai.

"Sistem informasi diekstrak menjadi GIS (sistem maklumat geografi)... meliputi kawasan yang terdedah kepada bahaya banjir berserta aras banjir untuk kalangan lima tahun hingga 100 tahun Average Recurrence Intervals (ARI) untuk guna tanah semasa dan akan datang.

"(Ketinggian) aras platform cadangan untuk sebarang projek pembangunan baru turut disediakan untuk rujukan semua sektor awam dan swasta, supaya bebas daripada masalah saliran dan banjir kelak.

"Malah, berdasarkan kajian JPS, pelaksanaan pelan induk secara menyeluruh di SPT dijangka mengurangkan hampir 100 peratus risiko banjir, yang membabitkan kira-kira 12,500 penduduk terbabit kelak," jelas Sabri.

KM minta polis buktikan tiada amalan '*double standard*' dalam siasatan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN - Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Abdul Khalid Abu Bakar diminta untuk tidak bersikap '*double standard*' dalam menjalankan siasatan terhadap mereka yang didapati mengeluarkan kenyataan menyenggung sensitiviti golongan tertentu, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian dengan merujuk kepada tindakan membabitkan Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun berhubung kenyataannya terhadap Allahyarham Datuk Dr. Haron Din, berbanding tiada sebarang tindakan sehingga kini diambil terhadap Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Nawawi Ahmad yang mengaitkan identiti '*Malaysian Official 1*' atau MO1 dengan Yang di-Pertuan Agong.

"Begitu juga dengan ugutan oleh ketua kumpulan Baju Merah, Mohd Ali Baharom atau Ali Tinju yang dipercayai mengancam nyawa Pengerusi Bersih 2.0, Maria Chin Abdullah baru-baru ini.

"Sekiranya Jeff Ooi boleh ditangkap,

mengapa pula Ali Tinju tidak ditangkap dan ditahan?

"Sama juga Datuk Nawawi yang telah membuat kenyataan ke atas Duli Yang Maha Mulia (DYMM). Mengapa tidak ada sebarang tindakan dikenakan ke atas individu-individu yang saya sebutkan ini?

"Malah, *tweet* bekas pemimpin Perkasa, Zulkifli Noordin berhubung pemimpin DAP iaitu (mendiang) Karpal Singh dan Ridhuan Tee (pendakwah bebas) yang telah menghina atlet-atlet Olimpik Rio, dan juga masyarakat Cina turut tidak dikenakan sebarang tindakan," soalnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Guan Eng dalam pada itu menggesa pihak polis agar menahan individu-individu yang dinyatakan bagi membuktikan bahawa tidak wujud unsur *double standard* atau pilih kasih dalam siasatan pihak berkaitan.

"Sekiranya beliau (Abdul Khalid) bercakap benar bahawa tak ada sesiapa yang boleh melangkaui atau lebih atas dari undang-undang, maka saya harap dia (Abdul Khalid) buktikan dan mereka ini dapat ditahan dan ditangkap," ujar beliau.

Kon Yeow, JPS respons isu hakisan pantai Kuala Muda

GEORGE TOWN - Hakisan pantai yang dilaporkan berlaku di Kuala Muda dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penaga baru-baru ini kemungkinan disebabkan perubahan musim tengkujuh pada akhir bulan Julai lepas, yang membawa ombak kuat ke sana.

Demikian respons Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow ketika diminta mengulas mengenai laporan atas talian sebuah media perdana bertarikh 26 September 2016.

"Saya fikir perubahan musim di pantai berhampiran (Hotel) Rasa Sayang (di Batu Ferringhi) pada tahun-tahun tertentu mengakibatkan berlakunya perubahan keadaan di sana.

"Pada hujung tahun, selalunya keadaan pantai berhadapan (Hotel) Rasa Sayang sampai mencecah laman (Hotel) Rasa Sayang.

"Pada waktu lain, pantai berubah disebabkan berubahnya musim, mungkin inilah keadaannya yang terjadi di (pantai)

Kuala Muda," jelasnya pada sidang media di sini.

Bercakap pada sidang media sama, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Ir. Sabri Abdul Mulok memberitahu, pihaknya menyedari fenomena hakisan pantai di Kuala Muda.

Jelasnya, JPS akan mengemukakan laporan lanjut serta memohon peruntukan berwajib daripada Kerajaan Persekutuan demi mengawal fenomena hakisan di Kuala Muda.

Terdahulu, media berkaitan melaporkan pengakuan seorang nelayan, Daud Karim, 75, yang mengaku bahawa arus kuat serta musim tengkujuh sejak akhir bulan lalu mungkin mengubah keadaan pantai di Kuala Muda.

Rakannya, Rohaizad Ahmad, 37, pula tidak menolak kemungkinan bahawa fenomena hakisan pantai tersebut disebabkan kerja-kerja penambakan laut di negeri ini.

Beliau turut mencadangkan pemajuan sebuah jeti baharu untuk nelayan menambak bot masing-masing, supaya tidak hanyut kelak.

Kawasan tadahan air Pulau Pinang dipantau dengan teliti – Jaseni

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) akan memantau dengan teliti jumlah hujan dan tahap air Empangan Teluk Bahang.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa sebagai mengulas kenyataan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) berhubung aktiviti pembangunan membabitkan kawasan tadahan air di Pulau Pinang yang dikatakan secara tidak langsung boleh menjelaskan bekalan air mentah di negeri ini.

"Ingin dijelaskan bahawa kami (PBAPP) dimaklumkan hanya satu projek diluluskan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di kawasan tadahan air Pulau Pinang iaitu projek tapak perkhemahan premium dikenali sebagai 'Boulder Valley Glamping Resort' di Teluk Bahang.

"Sebagai pengendali bekalan air di negeri ini, PBAPP mengambil berat tentang kesan projek berkaitan di tanah-tanah hutan terutama di kawasan tadahan air yang 'menangkap' air untuk Empangan Teluk Bahang.

"Lanjutan itu, PBAPP sudah memfailkan laporan menyatakan kebimbangan tentang perkara ini kepada Badan Kawal Selia Air Pulau Pinang (BKSA), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang (PTG) yang bertanggungjawab mengawal selia projek-projek pembangunan di Pulau Pinang.



IR. Jaseni Maidinsa.

"Hasilnya, kami (PBAPP) telah dimaklumkan bahawa *Boulder Valley Glamping Resort* adalah projek yang mesra alam dan memberi kesan minimum dari segi jenis pembangunan, pemuliharaan alam semula jadi dan pelupusan sisa."

"Malah, satu jawatankuasa turut ditubuhkan bagi memantau dengan teliti kawasan tadahan air di Teluk Bahang yang diketuai oleh Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng," ujarnya dalam kenyataan akhbar bertarikh 23 September lalu.

Dalam pada itu, Jaseni memberitahu, Empangan Teluk Bahang merupakan antara tempat takungan air paling strategik bagi menghadapi fenomena musim kemarau, Super El Nino sepanjang enam bulan pertama tahun ini.

"PBAPP akan memastikan ia terus menakung air sebanyak mungkin bagi mengelak catuan air di Pulau Pinang dalam

apa jua keadaan pun.

"(Dan) hari ini, kita (Pulau Pinang) menghadapi fenomena *La Nina* yang membawa hujan sehingga 1,252 milimeter (mm) hujan di kawasan tadahan Teluk Bahang antara 1-21 September 2016 berbanding tempoh sama tahun 2005 hingga 2015 hanya 721mm hujan," jelasnya.

Mengulas lanjut, Jaseni menasihatkan

supaya semua pihak yang tinggal di kawasan sering dilanda banjir, khususnya di Teluk Bahang dan Teluk Kumbar supaya berjaga-jaga apabila terdapat hujan lebat dan air pasang.

"PBAPP akan terus memantau hujan melalui tolok hujan di Teluk Bahang serta kapasiti di Empangan (Teluk Bahang) setiap hari," ujar beliau.

MP syak judi haram di Bukit Mertajam babit 57 premis



STEVEN Sim Chee Keong menunjukkan laporan pemetaan premis-premis yang disyaki menjalankan aktiviti judi di sekitar Bukit Mertajam pada sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

BERAPIT – Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong mengesyaki kira-kira 57 premis hiburan menawarkan operasi mesin judi simulator secara terbuka dan komersial di kawasan yang diwakilinya itu.

Ketika mengemukakan laporan pemetaan berhubung dakwaan demikian, Chee Keong mendedahkan sebanyak 24 premis dikesan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Machang Bubok, Padang Lalang (16) dan Berapit (17).

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa **pihaknya pada 14 September lalu menyerahkan laporan itu kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) serta Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Asisten Komisioner Nik Ros Azhan Nik Abdul Hamid sendiri.**

"Lesen judi tidak dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan (PBT)...tapi ada 54.4 peratus (31 buah) daripada premis-premis ini tidak mempunyai sebarang lesen."

"Kebanyakan premis yang disyaki ini beroperasi di kawasan orang ramai seperti di Jalan Rodzhan, kawasan bandar Bukit Mertajam, Jalan Berapit, (pasar raya) Summit, dan ada di antaranya terletak berhampiran sekolah dan masjid.

"Hampir semua premis-premis ini beroperasi 24 jam...dengan (ditampal) cermin gelap atau pelekat kartun...mempunyai 'pengawal' di pintu masuk."

"Sama ada judi, pelacuran, pecah rumah, apa yang kita boleh buat..itulah sebabnya kita mengeluarkan laporan ini."

"Walaupun kita tidak mempunyai apa-apa kemahiran siasatan, kita boleh mencari 57 premis yang disyaki ini, maksudnya saya percaya pihak polis pun sudah ada maklumat ini."

"Bukan saya mahu mengajar polis, tetapi saya percaya polis lebih pandai daripada penjenayah."

"Saya telah bertemu dengan OCPD (Ketua Polis Daerah) dan beliau pun telah menyatakan bersetuju untuk melaksanakan siasatan."

"Jangan lengah-lengahkan masa penguatkuasaan, sila ambil tindakan secara keras," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Dua Pegawai Khas Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Muhammad Nasir Abu Bakar dan Bernard Cheen yang terbabit menyediakan laporan pemetaan premis-premis suspek aktiviti perjudian tersebut turut serta sidang media itu.

Mengulas lanjut, Chee Keong turut mencadangkan penubuhan jawatankuasa bersama membabitkan pihak polis, MPSP dan komuniti untuk menangani isu berkenaan di peringkat daerah.

Ini kerana, jelasnya, penguatkuasaan akan membabitkan bidang kuasa persekutuan dan negeri, berdasarkan Akta Rumah Judi Terbuka 1953, Akta Loteri, Ordinan Hiburan Awam 1958, Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan (Pulau Pinang) 1998 dan Peraturan-peraturan Hiburan (Pulau Pinang) 2001.

"Perlu ada kerjasama antara MPSP dan polis supaya tidak timbul 'masalah' sebenarnya di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab siapa," syor beliau sambil menawarkan diri untuk menganggotai jawatankuasa bersama itu.



ANAS Ahmad Zakie (tengah) mengangkat sumpah menerima watikah pelantikan sebagai Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri yang baru di hadapan Ketua Menteri dan Farizan Darus di sini baru-baru ini.

Anas, Penasihat Undang-undang baru Kerajaan Negeri

MULA TUGAS... Anas Ahmad Zakie baru-baru ini mengangkat sumpah memulakan tugas sebagai Penasihat Undang-undang baru bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang menggantikan Dato' Aliza Sulaiman.

Upacara tersebut dijalankan di hadapan

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus.

Turut hadir, barisan Exco-exco Kerajaan Negeri dan Setiausaha Sulit Kanan Kepada Ketua Menteri, Muhamad Azrai Mohamad Zaini.

Khambeswaran mampu jadi atlet memanah bertaraf dunia - MP

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : ALISSALA THIAN

PULAU TIKUS - Atlet memanah negeri, M. Khambeswaran dilihat mampu menjadi ahli sukan bertaraf dunia ekoran kejayaan memecah rekod kebangsaan dalam kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XVIII Sarawak baru-baru ini.

Ahli Parlimen (MP) Bukit Bendera, Zairil Khir Johari berkata, beliau percaya atlet muda berusia 17 tahun itu mampu pergi lebih jauh sekiranya menerima sokongan dan kemudahan latihan yang sempurna.

"Saya yakin Khambeswaran berpotensi menyumbang pingat buat negara pada temasya berprestij dunia.

"Ia tidak mustahil, dalam usia yang masih muda, beliau



ZAIRIL Khir Johari (tengah) menyampaikan cek sumbangan kepada M. Khambeswaran (dua dari kanan) sambil diiringi Chris Lee Chun Kit (dua dari kiri) pada sidang media di sini baru-baru ini.

(Khambeswaran) kini berada di landasan yang betul untuk menjadi atlet bertaraf dunia dan mungkin akan menyertai skuad Olimpik pada masa

hadapan," ujarnya selepas majlis penyampaian sumbangan saguhati kepada Khambeswaran di Pusat Khidmat Ahli Parlimen (MBPP), Chris Lee Chun Kit.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Chris Lee Chun Kit.

Khambeswaran yang berasal

dari Bukit Erskine, Kebun Bunga menerima sumbangan wang tunai bernilai RM1,000.

Dalam penyertaan sulung di kejohanan SUKMA XVIII Sarawak Julai lalu, beliau berjaya meleburkan rekod kebangsaan milik Lang Hong Keong dalam Kejohanan Grand Prix Asia 2008 dengan 360 mata bidikan yang dicatat pada tahun 2008, 359 mata bidikan, acara 30 meter compound lelaki.

Dalam pada itu, Khambeswaran ketika ditemui menzahirkan ucapan terima kasih di atas penghargaan dan sumbangan yang diberikan.

"Saya berharap ini akan membantu saya untuk berusaha lebih gigih dalam bidang sukan dan berjaya pada pemilihan ke Sukan Asia Tenggara (SEA Games) tahun hadapan" ujarnya yang kini melanjutkan pengajian di Sekolah Sukan Malaysia Pahang.



Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis A)

Keluasan Tanah : 1206kp (min) - 2659kp (max)
Keluasan Binaan : 2093kp (min) - 2239kp (max)
Harga Jualan : RM560,000 (min) - RM701,000 (max)
Bilangan Unit : 95



Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis B)

Keluasan Tanah : 1130kp (min) - 2077kp (max)
Keluasan Binaan : 1954kp (min) - 2099kp (max)
Harga Jualan : RM508,000 (min) - RM633,000 (max)
Bilangan Unit : 63



Rumah Berkembar 2 Tingkat

Keluasan Tanah : 2422kp (min) - 3800kp (max)
Keluasan Binaan : 2758kp (min) - 2758kp (max)
Harga Jualan : RM738,000 (min) - RM873,000 (max)
Bilangan Unit : 52



Rumah Link Berkembar 2 Tingkat

Keluasan Tanah : 2207kp (min) - 2874kp (max)
Keluasan Binaan : 2625kp (min) - 2625kp (max)
Harga Jualan : RM675,000 (min) - RM761,000 (max)
Bilangan Unit : 68

Hakmilik Kekal

PEARL TROPIKA

PALMINGTON SDN BHD (892241-W)

12-01, Penthouse, Wisma Pantai, Jalan Wisma Pantai,
Kampung Gajah, 12200 Butterworth.
Tel: 04-3240088 Fax: 04-3240090
Email: tilb@tambunindah.com

No. Lesen Pemaju : 11882-7/11-2017/01005(L)
No. Permit Iklan & Jualan : 11882-7/11-2017/01005(P)
Nama Pihak Berkua yang Meluluskan Pelan Bangunan : MPSP
No. Rujukan Pelan Bangunan : MPSP/40/ 20-75/56
Tarikh Pemajuan Perumahan Dijangka Siap : Mac 2019
Jenis Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal
Tanah : OCBC

Tempoh Sah : 27/11/2015 - 26/11/2017
Tempoh Sah : 27/11/2015 - 26/11/2017

Bilangan Unit :
Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis A)- 95 Unit
Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis B)- 63 Unit
Rumah Berkembar 2 Tingkat- 52 Unit
Rumah Link Berkembar 2 Tingkat - 68 Unit

5% Diskaun Untuk Bumiputera

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon rashid.hasnon@penang.gov.my	(T) 04 - 646 4700
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 399 6689
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim abdmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 04 - 899 9581
JAWI YB Soon Lip Chee dunjawi@hotmail.com	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
PENGKALAN KOTA YB Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tanasekhariah a/l Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
SUNGAI BAKAP YB Hj. Maktar Hj. Shapree adunan.dunsgbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 827 8868
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey yapoohueydap@gmail.com	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbtengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungainpinang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630
BATU UBAN YB Dr. T. Jayabalan drjayabalan@gmail.com	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
DAP PENANG HQ dappa@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
PULAU BETONG YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Dahalan Fazil alan658@gmail.com	019 - 727 4388
BERTAM Asrol Sani Abdul Razak asrolpkb@gmail.com	013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhamad muhasdey@gmail.com	019 - 437 2887
PERMATANG BERANGAN Fahmi Abu Bakar mudiram@gmail.com	013 - 488 1601
SUNGAI DUA Rosli Hassan rosli1971@yahoo.com	019 - 410 5990
TELOK AIR TAWAR Mustafa Kamal Ahmad mustafakamalmka@gmail.com	019 - 556 9552
SUNGAI ACHEH Azmi Samsudin azmikeadilan@gmail.com	012 - 594 1515
BAYAN LEPAS Azril Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	017 - 594 1976
PULAU BETONG Mohd Tuah Ismail mtuah17@gmail.com	019 - 570 9500
TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid halilsabri.hsh@gmail.com	017 - 460 4849

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131 04-398 8809
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
OPERATOR ANTARABANGSA	101		
HOTLINE MBPP	04-263 7637 04-263 7000		
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
NEGERI		KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
KASTAM	04-262 2300	FERI (GEORGETOWN) (BUTTERWORTH)	04-210 2363 04-310 2377
IMIGRESEN	04-250 3419	JAMBATAN PP	04-398 7419
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340		
EPF	04-226 1000	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
SOCSCO	04-238 9888	CAP	04-829 9511
		BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
		PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108 04-229 8555

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

N1	Penaga	: 010 - 542 9158	- Mohd. Zaki Ismail	N22	Tanjong Bungah	: 012 - 465 0021	- Tina
N2	Bertam	: 012 - 466 9681	- Fatimah Bakar	N23	Air Putih	: 011 - 12441069	- Hezreen
N3	Pinang	: 017 - 424 9371	- Tasrin Tugemin	N24	Kebun Bunga	: 04 - 829 0614	- Hong Kian Beng
N4	Tunggal			N25	Pulau Tikus	: 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N5	Permatang Berangan	: 019 - 556 4664	- R. M Reza	N26	Padang Kota	: 017 - 956 3237	- Quah
N6	Sungai Dua	: 013 - 417 3068	- Siti Zunnurain Zulkafli	N27	Pengkalan Kota	: 012 - 401 1522	- Johnny Chee
N7	Telok Air Tawar	: 016 - 463 3866	- Malik Bakar	N28	KOMTAR	: 012 - 423 3227	- Ch'ng Chin Keat
N8	Sungai Puyu	: 012 - 480 5495	- Mr.Lee	N29	Datok Keramat	: 010 - 811 7300	- Benji Ang
N9	Bagan Jermal	: 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N30	Sungai Pinang	: 04 - 282 6630	- Razin
N10	Bagan Dalam	: 016 - 473 1963	- Gesan	N31	Batu Lancang	: 04 - 282 6419	- Kalvinder
N11	Seberang Jaya	: 04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander	N32	Seri Delima	: 019 - 4474362	- Shuen
N12	Permatang Pasir	: 019 - 412 8442	- Kamal	N33	Air Itam	: 012 - 5242549	- Mahen James
N13	Penanti	: 013 - 595 6865	- Rosli	N34	Paya Terubong	: 012 - 4730736	- Anne Janet
N14	Berapit	: 04 - 538 2871	- Tira	N35	Batu Uban	: 016 - 4940705	- Toon Hoon Lee
N15	Machang Bubuk	: 04 - 538 3871	- Mr.Lim	N36	Pantai Jerejak	: 016 - 480 0232	- Frankie Kee
N16	Padang Lalang	: 016 - 401 3507	- Yeo Ee Yee	N37	Batu Maung	: 016 - 487 8602	- Jalal
N17	Perai	: 017 - 446 1817	- Andrew Chin	N38	Bayan Lepas	: 016 - 205 1185	- Khairul
N18	Bukit Tengah	: 012 - 474 0964	- Ikhwan	N39	Pulau Betong	: 016 - 480 6158	- Sathyra
N19	Bukit Tengah	: 012 - 473 0964	- Chan	N40	Telok Bahang	: 016 - 444 3550	- Aliff / Shamsudin
N20	Bukit Tengah	: 017 - 552 8928	- Lai			: 04 - 646 4700	- Amirulzaman
N21	Bukit Tengah	: 014 - 945 9786	- Selvi				- Danny Ho
		: 04 - 399 6689	- Lim Tuan Chun				- Firdaus
		: 013 - 518 8735	- G.Dumany				- Zulkifle Ahmad
		: 016 - 404 9120	- Khor				- Johan Abu Bakar
		: 017 - 378 4448	- Abdul Halim				
		: 017 - 408 478					

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2016**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Heng Yeh Shiuan	016 - 261 2460
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Kumar a/l Kanapathy	04 - 323 8757 016 - 407 6058
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani	019 - 411 8343
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tan Chong Hee	019 - 411 5598
Zulkifli Ibrahim	012 - 477 5588
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Zaini Awang	019 - 546 3115
Goh Choon Aik	04-588 3045 019 457 3222
Alias Wan Chek	019 - 540 4553
Ong Jing Cheng	016 - 445 5709 012 - 758 3779
Anuar Yusoff	04 - 507 5390 016 - 4616 390
Amar Pritpal Abdullah	04 - 582 2020 019 - 452 2020
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161
Muhamad Suzuki Ahmad	012 - 465 4419
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 508 0039 (Tel) 04 - 657 0918 (Fax)
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Ahmad Tarmizi Abdullah	013 - 414 4822

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Chiam Heng Hak	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	R. Gunalan	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	011 - 2666 9091

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2016**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Teoh Koon Gee	016 - 419 1938
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Kala a/p Durai Raj	016 - 468 4247
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Ong Ah Teong	012 - 410 6566
Syerleena Abdul Rashid	019 - 225 6502
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Kumaresan a/l Aramugam	014 - 945 9621
Felix Ooi Keat Hin	016 - 417 1331
Ahmad Azrilal Tahir	012 - 498 4556
Shahul Hameed M.K. Mohamed Ishack	017 - 473 0194
Ahmad Razzaaim bin Azimi	012 - 572 4711 016 - 451 9225
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Saiful Azwan Abd Malik	016 - 463 2787
Dr. Lim Mah Hui	012 - 422 1880
Eric Lim Seng Keat	016 - 414 3428
Gan Ay Ling	012 - 401 2265
Mohamed Yusoff Mohamed Noor	012 - 472 8114

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang Nov. - Dis. 2016**



SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:
CHAN LILIAN, LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN, AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

Jurugrafik: IDZHAM AHMAD, LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Pemenang anugerah syor laksana proses industrilisasi pertanian peringkat negeri

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

RATA-rata 15 pemenang anugerah pelbagai kategori penternakan, pertanian dan nelayan pada Majlis Pembukaan Seberang Perai Fiesta 2016 baru-baru ini melahirkan penghargaan atas pengiktirafan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri.

Di antara mereka, ada yang berpendapat bahawa Kerajaan Pulau Pinang hari ini sepatutnya tidak sekadar memberi hadiah serta sijil pengiktirafan kepada para pemenang anugerah.

Sebaliknya, menurut mereka, semua pihak berkuasa berwajib wajar melorongkan proses industrilisasi pertanian secara besar-besaran peringkat negeri secara bersepadu dan strategik.

Ini, kata mereka, adalah demi memastikan sektor pertanian, penternakan dan nelayan terus bertumbuh secara dinamik, kreatif serta terus menjamin keselamatan makanan (*food security*) negeri pada masa depan, ketika iklim ekonomi negara kini sedang menghadapi saat mencabar di peringkat global.



MOHAMAD Saat Saad.

Pemenang Tempat Pertama Kategori Peladang Jaya Lelaki 2016, **DATUK MOHAMAD SAAT SAAD**, 60-an, kini direkodkan mengusahakan lebih 30 'relung' atau 20 hektar sawah padi di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penaga.

"Penanaman pokok kelapa sawit secara besar-besaran di bawah FELDA (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan) pada penghujung era 1950-an dahulu menunjukkan revolusi perindustrian dunia di Persekutuan Tanah Melayu (kini dikenali sebagai Malaysia) bukan sahaja dalam sektor pengilangan, pembuatan, elektrik dan elektronik (E&E), tapi dalam pertanian juga."

"Kalaupun boleh, Kerajaan Negeri membantu meluaskan tanah kategori zon pertanian ini atau membantu

pesawahan untuk memiliki atau pajak tanah bagi menghasilkan lebih banyak padi untuk negeri ini."

"Kalau ada tanah, memang saya sendiri nak beli atau pajak untuk penanaman padi secara industri, kerana sekarang kita sudah boleh belajar daripada negara-negara pertanian maju dengan menggunakan internet."

"(Contohnya,) saya cuma lewat tanam sahaja disebabkan fenomena El Nino Super baru-baru ini, tapi masih berjaya tanam kira-kira 30 relung dan ambil hasil."

"(Serangan serangga perosak yang mengakibatkan) 'Bena Perang' boleh dielak jika kita guna racun yang betul pada tanah, sebelum semai (benih padi)...ini pengetahuan kita dalam teknologi pertanian moden sahaja."

"Di Penaga, tanaman dua kali setahun masih berjaya dilakukan tahun ini, dengan (hasil) enam metrik tan padi per hektar," jelasnya.

Kali pertama Mohamad Saat dipilih memenangi anugerah Tempat Pertama Kategori Peladang Jaya adalah pada tahun 2015.

Dan, pada tahun ini, buat kali kedua, beliau dicalonkan sebagai Pemenang Kategori Petani Berjaya Lelaki Peringkat Kebangsaan dalam Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2016 yang bakal berlangsung tidak lama lagi.

Beliau cuma meluahkan rasa seikhlas hati.

"Kadang-kadang, terasa seperti wira tak didendang bukan sebab hanya mendapat sijil penghargaan, sebab kerja petani ini 'menyara' secara langsung beras makanan untuk rakyat Malaysia, khususnya di Pulau Pinang."

"Sepatutnya, diperakui sumbangan petani-petani kecil, khususnya daripada golongan Bumiputera lebih dari itu (pemenang sijil anugerah) oleh pihak-pihak bertanggungjawab," jelas beliau sambil melahirkan penghargaan kepada kerajaan serta agensi negeri.

Mengulas lanjut, Mohamad Saat mencadangkan kepemimpinan berwajib peringkat Kerajaan Negeri sendiri supaya menyusun proses pelingkungan semula (*rezoning*) tanah-tanah terbiar, sama ada milik kerajaan atau persendirian, yang dilihat berpotensi untuk aktiviti industrilisasi padi.

BERAS HANCUR

Bagi Mohamad Saat, isu beras hancur yang kononnya menyebabkan pesawah rugi apabila berurus dengan pihak kilang padi bukanlah isu utama.

Menurutnya, sepatutnya Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi berwajib berusaha mengekalkan gred padi negara dalam pasaran domestik.

"Sebenarnya, kesilapan (dalam isu beras hancur) ini bukan (kesilapan) daripada pihak petani, kerana petani

hanya membekalkan padi."

"Tetapi, yang menjadikan hancur itu adalah di kilang, jadi bagaimana nak kawal supaya harga beras (tempatan) kita ini ikut penggredan yang sepatutnya."

"Padi yang dicadangkan oleh pihak Jabatan Pertanian bagi variasi 'padi Malaysia' adalah yang terbaik, sepatutnya beras (gred) MR219 umpsamanya sudah mencapai taraf dunia dah."

"Pesawahan tidak akan ambil tahu berapa peratus (beras hancur) ini kerana gred itu dikawal oleh pasukan kawal selia yang menjaga (piawaiyan) semua gred (beras) itu."

"Petani hanya bekal bahan mentah (iaitu) padi yang dihantar ke kilang, yang mengeluarkan beras dengan gred tertentu itu adalah dari kilang."

"Mengapa dibangkitkan lagi masalah (beras hancur) ini," soal beliau, sambil menganggap sikap tuding jari sebenarnya langsung tidak menyelesaikan isu berbangkit tersebut.

Tambah Mohamad Saat, beliau merupakan antara Ahli Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) merangkap Ahli Jemaah Lembaga Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) Negeri Pulau Pinang.

Malah, beliau juga merupakan salah seorang ahli perwakilan NAFAS peringkat nasional.

Ujarnya, isu penggredan beras ini acapkali beliau bangkitkan dalam mesyuarat NAFAS peringkat kawasan, negeri hatta kebangsaan.

PERTUMBUHAN HASIL NEGERI

Sebenarnya Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya ketika berucap dalam Majlis Pembukaan Seberang Perai Fiesta 2016, antara lain menjelaskan tujuan Kerajaan Negeri memberi sumbangan tunai serta sijil kepada 15 pemenang anugerah adalah sebagai menghargai sumbangan mereka kepada rakyat Pulau Pinang selama ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pula ketika merasmikan pesta sama tersebut turut mengakui bahawa sektor pertanian, penternakan dan perikanan negeri untuk menyaksikan pertumbuhan, saban tahun.

PERTANIAN UBAH NASIB BANGSA

Bagi Pemenang Anugerah Tempat Pertama Kategori Usahawan Ikan Air Tawar 2016, **WAN IBRAHIM MEGAT ZAINON**, 44, beliau melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas pemberian RM10,000 pinjaman mikro kredit tanpa riba di bawah Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) pada tahun lalu.



WAN Ibrahim Megat Zainon.

"Pinjaman mikro kredit tanpa riba ini cukup baik untuk penternak seperti saya ini."

"Dan, inisiatif seperti ini, bagi saya suatu bentuk pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri, selain beri anugerah kepada usahawan tani yang berjaya seperti malam ini."

"Ini kali kedua saya mendapat anugerah pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri, kali pertama saya mendapat anugerah pada dua tahun lepas (2014)."

"Saya ternak ikan keli sudah 30 tahun, dan selalu saya sebut kalau orang Melayu nak berjaya di Pulau Pinang, usahawan tani boleh ubah nasib bangsa kita."

"Guru terbaik adalah pengalaman kita sendiri, yang penting Melayu kalau nak bermiaga kena jujur dan disiplin dalam urus kewangan jika nak ubah nasib sendiri," jelasnya.

Kini, Wan Ibrahim menyatakan bahawa beliau menimba hasil lumayan selepas melaksanakan proses industrilisasi ternak ikan keli di atas tanah ladang seluas lebih tujuh ekar, di antara KADUN Jawi dan Sungai Bakap.

BANTU MELAYU

Pada tahun 2014, Wan Ibrahim merupakan salah seorang usahawan Melayu berjaya yang dipilih oleh Kerajaan Negeri untuk menerima Anugerah Usahawan Berjaya PTSR.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon sendiri yang menyerahkan RM10,000 pinjaman mikro tanpa riba kepada Wan Ibrahim, ketika itu.

Mohd. Rashid yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat berkata, Kerajaan Negeri hari ini senantiasa membantu golongan usahawan, termasuk orang-orang Melayu dalam mengembangkan potensi industri pertanian mereka di Pulau Pinang.

Difahamkan, Kerajaan Negeri

dalam tempoh 2009 hingga bulan Jun tahun ini telah pun mengagihkan sejumlah RM10.1 juta dana PTSR.

Dalam tempoh itu, direkodkan pinjaman PTSR diagihkan kepada 2,297 golongan peniaga dan usahawan, termasuk dalam sektor pertanian.

Berdasarkan rekod Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Mohd. Rashid mendedahkan bahawa 54.4 peratus penerima adalah terdiri daripada golongan usahawan wanita yang berjaya.

Sumber PDC juga mendedahkan dalam tempoh tahun 2009 hingga bulan April 2005, seramai 1,691 penerima Melayu, Cina (159) dan India (169) menerima RM8,524,630.40 pinjaman mikro kredit PTSR ini.

Selain PTSR, Kerajaan Negeri pada April lalu turut memberi RM5,000 pinjaman mikro kredit tanpa riba setiap seorang di bawah Tabung Usahawan Tani Muda kali kedua, kepada lima petani dan empat penternak terpilih.



SALAWATI Senik.

WANITA DIKTIRAF

SALAWATI SENIK, 29, menganggap kemenangan merangkul Anugerah Tempat Pertama Kategori Penternak Jaya Unggas kali ini sebagai pengiktirafan kepada golongan wanita sendiri.

Beliau merupakan antara beberapa usahawan wanita berjaya yang tersenarai dalam 15 pemenang anugerah penganjuran berkaitan.

"Ini kali pertama saya dapat anugerah, saya ternak ayam kampung sejak 2015, masih baru, tapi sudah mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri."

"Saya berasa teruja dan gembira kerana hasil titik peluh sendiri selama ini mengusahakan ladang ternak di Permatang Pasir (dekat) Balik Pulau."

"Ini juga adalah pengiktirafan Kerajaan Negeri untuk golongan hawa dalam bidang ternakan," ujarnya sambil menyokong syor Kerajaan Negeri melaksanakan proses industrilisasi pertanian di Pulau Pinang.

Mohd. Jufry sekeluarga gigih promosi budaya tradisional Melayu

BIAR mati anak, jangan mati adat.

Itulah dogma Mohd. Jufry Yusoff, isteri, Norwani Derahim serta keluarga gigih mempopularkan kebudayaan tradisional Melayu di tengah-tengah arus kemodenan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town kini.

Persembahan terbuka wayang kulit Kelantan, tarian serta muzik tradisional, gamelan di Armanien Street ketika berlangsungnya Festival George Town (GTF) pada bulan Ogos lalu menggantik perhatian banyak pihak.

Sebanyak 90 peratus pengunjung ketika itu adalah pelancong asing, sementara 100 peratus adalah persembahan kebudayaan tradisional Melayu.

Wajah sebenar kesedaran warganegara terhadap kebudayaan tradisional Melayu membawa wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** ke kampus Universiti Sains Malaysia (USM) dekat Batu Uban.

Rupa-rupanya di sini ada Muzium & Galeri Tuanku Fauziah yang begitu besar dan indah.

Di dalam muzium inilah, Mohd. Jufry dan Norwani menyalaikan obor kesedaran mengenai perihal penting kebudayaan tradisional Melayu untuk disegarkan, agar tidak lenyap ditelan zaman.

"Projek kebudayaan ini sebenarnya sudah berjalan sejak tahun 2000 melalui penubuhan Kurnia Klasik Enterprise, tetapi syarikat itu ditutup atas beberapa cabaran yang tidak dapat dielakkan."

"Wak Long Music Centre ditubuhkan selepas itu, sebagai pentas untuk kami mengembangkan kesedaran komuniti mengenai perihal penting seni tari budaya muzik tradisional Melayu."

"Wak Long Music Centre tidak boleh terlalu mengharap tajaan datang bergolek, maka kita bergerak dengan sumber yang ada untuk melatih serta membuat persembahan secara profesional atas jemputan komersial," ujar Mohd. Jufry.

MULA DARI UNIVERSITI

Sehingga kini, impian untuk memartabatkan seni muzik dan tari tradisional Melayu seakan turut disokong oleh pihak pentadbiran USM.

Mulai 1 Oktober lalu, *Traditions in Motion*



MOHD. JUFRY YUSOFF dan NORWANI DERAHIM merakamkan gambar berlatarbelakangkan koleksi patung wayang kulit menarik di Muzium & Galeri Tuanku Fauziah.

Motion dipersembahkan di muzium USM tersebut, pada hari Sabtu tiap-tiap minggu.

Sesi pertama pertunjukan selama sejam mulai 11 pagi, manakala sesi kedua pula mulai jam 2 petang.

"Tiket untuk warganegara dewasa RM25 dan RM15 untuk kanak-kanak...macam harga tengok wayang sahaja."

"Harga tiket untuk pelancong asing dewasa RM90 dan kanak-kanak RM45," ujar Norwani yang lebih mesra dipanggil Wani.

Wani merupakan Pengurus Artis dan Pemasaran Wak Long Music Centre, dan Mohd. Jufry adalah Penasihat syarikat miliknya tungan itu.

Katanya, urusan menempah tiket boleh dengan menghubungi beliau di talian 019 - 510 6945 atau Mohd. Jufry (019-5409910) atau menerusi emel.

"Selama sejam, pengunjung berpeluang menyaksikan pertunjukan wayang kulit, muzik tradisional Melayu, muzik silat, *percussion*, tarian tradisional, Mak Yong, gamelan dan tarian interaktif."

"Selain tujuh jenis persembahan ini, pengunjung turut dibawa menjelajah ke sudut-sudut tertentu untuk kenal jenis alat muzik tradisional, jenis wayang kulit yang ada dalam rumpun kita, dan mungkin ada peluang untuk mencuba alat-alat muzik di sini."

"Walaupun wayang kulit ini asal dari Kelantan, kita cuba bawa unsur kontemporari seperti menggunakan dialek Pulau Pinang dan guna Bahasa Inggeris pula."

"Watak-watak wayang kulit ini dikekalkan, cuma jalan cerita sahaja berubah supaya diterima oleh pelbagai kelompok pengunjung," jelas Wani.

PROFESIONAL

Kini, Wak Long Music Centre mempunyai tujuh pemuzik terlatih dan mampu mengenali alat muzik tradisional Melayu secara profesional.

Mereka, Farhan Jufry, Kang Su Kheng, Azreen Harlina, Fara Dayana, Nurin Wanis Qistina, Muhamad Rayyan Rizqin dan Nik Mohd. Husyadie.

"Dalam sebulan, kalau ada empat lima pertunjukan kira ok lah, kalau tiada maka tiadalah sumber."

"Macam pertunjukan gamelan dalam satu jam, selalunya kita caj minimum RM1,500 kerana kos operasi dan pemuzik semuanya profesional."

"Pemuzik semuanya separuh masa, tapi ahli muzik profesional."

"Di universiti, saya sendiri mengajar subjek ko kurikulum di USM berkaitan seni, dari sini kita latih generasi muda," katanya.

PEMUZIK TERMUDA

Muhammad Rayyan Rizqin yang kini berusia 6 tahun merupakan pemuzik termuda yang boleh bermain alat muzik tradisional secara profesional.

Anak itu dilatih sendiri oleh ayahnya, Mohd. Jufry sejak bulan Februari tahun lalu.

"Ke mana pun kami membuat persembahan, Rayyan akan menjadi perhatian khalayak kerana beliau masih cilik kecil, tetapi mampu mengendali alat muzik seperti orang dewasa."

"Kalau Rayyan main, tak perlu tengok kod, memang nampak seperti anugerah dan bakat," jelas Wani.

HARAPAN

Bagi Mohd. Jufry dan Wani, wayang kulit, gamelan dan tarian Melayu tradisional yang lain merupakan warisan tak ketara (*intangible*) yang mesti dipulihara oleh Kerajaan Negeri.

Ini kerana, katanya, semua warisan tak ketara ini ada kuasa pendorong sampingan bagi menggandakan jumlah pengunjung untuk melihat warisan ketara (*tangible*) seperti monumen dan bangunan warisan di sekitar Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

"Cabarannya paling besar kita adalah sokongan dana untuk menganjurkan pertunjukan seni tari budaya muzik tradisional Melayu ini di USM dan luar universiti ini."

"Kepakaran untuk melatih ahli baru dan membuat persembahan secara profesional bukan lagi cabaran utama kita."

"Untuk menghidupkan warisan tak ketara seperti wayang kulit, gamelan dan sebagainya ini, sebuah Kerajaan memang perlu melabur dan berbelanja lebih."

"Seperti GTF menjemput kami (Wak Long Music Centre) ke George Town (Armanien Street) itu adalah suatu permulaan yang baik."

"Setakat ini, kami (Wak Long Music Centre) telahpun masuk ke hotel-hotel dan majlis korporat dan kami berharap geran yang lebih besar boleh disalurkan ke USM supaya aktiviti kebudayaan seni tari muzik tradisional Melayu yang bermula di Muzium Tuanku Fauziah USM ini boleh dijadikan pusat kebudayaan negeri bagi mempromosikan warisan tak ketara yang bernilai tinggi di sini," jelas Mohd. Jufry.



MUHAMAD Rayyan Rizqin Mohd. Jufry memainkan bonang pada persembahan malam pra tonton *Traditions In Motion* di Muzium & Galeri Tuanku Fauziah.



PEMUZIK-pemuzik Wak Long Music Centre bergambar kenangan selepas sesi pra tonton *Traditions In Motion* di Muzium & Galeri Tuanku Fauziah 1 Oktober lalu.

Perpustakaan awam P. Pinang pertama dalam negara sedia sudut robotik

Dari muka surat 1.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

SEBERANG JAYA – Pengunjung Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang (PPAPP) kini berpeluang menimba ilmu melalui interaksi dengan peralatan dan perkakasan robotik di Sudut Sains di sini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, pembukaan Sudut Sains @ PPAPP itu sekaligus menjadikan perpustakaan

awam negeri ini adalah yang pertama dalam negara menyediakan kemudahan pengajian teknologi robotik kepada masyarakat.

“Ia semestinya menjadi satu kebanggaan kepada kita di Pulau Pinang,” katanya pada Majlis Perasmian Sudut Sains @ PPAPP di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan & Sumber Manusia, Sains, Teknologi

dan Inovasi, Soon Lip Chee (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Jawi), dan Pengurus PPAPP, Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa yang juga Ahli Parlimen Parit Buntar.

Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri hari ini sedar mengenai kehadiran revolusi perindustrian keempat yang berkisar mengenai Analisis Data Besar (BDA) dan Data Terbuka (OBD), Pengkomputeran Awam (*Cloud Computing*) dan Internet Untuk Segala-galanya (IOT).

Mengulas lanjut, tambahnya,

revolusi perindustrian pertama mengenai jentera, disusuli revolusi kedua mengenai kuasa elektrik dan produktiviti, manakala, revolusi ketiga mengenai internet dan komputer telahpun ditempuhi dunia sebelum ini.

“Pulau Pinang tidak mempunyai pilihan lain selain terpaksa melibatkan diri dalam Revolusi Perindustrian Keempat sekiranya kita tidak mahu ketinggalan dalam industri ‘kilang pintar’, yang menjadi teras teknologi masa depan,” jelasnya yang juga ADUN

Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Pada perkembangan lain, Guan Eng menyatakan bahawa pembukaan Perpustakaan Digital Pulau Pinang berhampiran lokasi bersejarah Penang Free School secara percuma baru-baru ini juga merupakan yang pertama di tanah air ini.

Jelasnya, perpustakaan yang menyediakan lebih 3,000 e-buku atas talian secara bebas, diharap menjadi jendela kemajuan masa depan bagi generasi muda di negeri ini.



SEBAHAGIAN kanak-kanak dari Persatuan Kanak-kanak Cerebral Palsy (Spastik) Pulau Pinang teruja melihat persembahan robotik buatan Perancis sempena lawatan mereka ke TDP di sini baru-baru ini.

Badan korporat, swasta diseru jalin kerjasama program CSR TDP

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN – Peluang menjajakan kaki ke Tech Dome Penang (TDP) bagi remaja kurang upaya (OKU), Mohd. Aiman Razak, 16, memberikan pengalaman baru kepada beliau.

Ayahnya yang merupakan pesara tentera, Razak Saad berkata, tajaan lawatan ke TDP membuatkan Mohd. Aiman teruja.

“Ini merupakan pengalaman baru buat dia (Mohd. Aiman), banyak benda baru dan pelik pertama kali dia tengok, saya percaya dia teruja sebab saya juga teruja,” katanya ketika ditemui Buletin Semasa di sini baru-baru ini.

Mohd. Aiman merupakan antara 60 kanak-kanak istimewa dari Persatuan Kanak-kanak Cerebral Palsy (Spastik) Pulau Pinang yang dibawa melawat TDP menerusi pakej tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihak berkenaan.

Mengulas lanjut, Razak memberitahu, kekurangan anaknya yang tidak boleh berjalan dan mengalami kecatastan otak sejak bayi menjadi motivasi kepada dirinya untuk terus mendidik dan membesarakan Mohd. Aiman.

“Walaupun dia (Mohd. Aiman) begini sejak lahir kerana lemas ketika proses lahir, harapan saya adalah agar beliau tidak merasa kekurangan diri,

malah terus berusaha untuk berjaya sebagaimana kejayaan dicapai atlet-atlet paralimpik negara baru-baru ini,” ujarnya yang berulang-alik setiap hari dari Kulim, Kedah untuk menemani anaknya yang mendapat pendidikan khas di negeri ini.

Dalam pada itu, Pengurus Besar TDP, Richard Chung memberitahu, badan korporat dan syarikat-syarikat swasta diseru untuk tampil menjalin kerjasama dengan TDP dalam menyumbang sebarang bentuk peruntukan menerusi CSR sebagai menyemai minat sains dan teknologi dalam kalangan generasi muda termasuk golongan kanak-kanak istimewa.

“TDP menyediakan beberapa pakej tajaan CSR bersesuaian, bagi membuka ruang kepada golongan kanak-kanak istimewa ini meneroka sendiri dunia sains dan teknologi.

“Sekiranya lebih ramai yang tampil menaja, saya percaya kita bukan sahaja menghidupkan impian generasi muda, malah juga memberi peluang untuk semua pihak merasai kegembiraan,” katanya pada program khas di sini baru-baru ini.

Bagi badan-badan korporat dan syarikat swasta yang berminat dengan pakej CSR TDP, hubungi Richard di talian 016 - 466 6655 atau layari laman sesawang, techdomepenang.org/.



MOHD. AIMAN RAZAK ditemani ayahnya.



RUPA bentuk robot sorak Murata.

P. Pinang destinasi pertama pilihan Murata luar dari Jepun

GEORGE TOWN – Aksi sembilan robot sorak, *Cheerleaders Murata* (Murata) yang didatangkan khas sempena sambutan Minggu Teknologi Jepun Tech Dome Penang (TDP) baru-baru ini mencuri tumpuan ribuan pengunjung di sini.

Selain golongan kanak-kanak, aksi robot setinggi 36 sentimeter yang berputar-putar melakukan gerak tari formasi mengikut rentak muzik dengan menyeimbangkan badan di atas sebuah bola turut memperoleh perhatian dewasa.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika merasmikan pengajian berkaitan merakamkan penghargaan kepada syarikat multinasional Jepun, Murata yang merupakan pemilik inovasi tersebut atas inisiatif membawa persembahan robotik sulung mereka ke Pulau Pinang.

“Pulau Pinang amat bertuah kerana merupakan destinasi pertama pilihan Murata luar dari Jepun.

“Tidak dinafikan negara Jepun merupakan pembuat robot yang sangat terkenal... dengan ciri-ciri pembuatan teknologi terkini. Malah, inovasi Jepun yang unik dan keupayaan dalam bidang elektronik telah memudahkan kehidupan manusia,” ucapnya pada Majlis

Perasmian Minggu Teknologi Jepun di TDP di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Penang Tech Centre (PTC), Datuk Wong Siew Hai, Ketua Pegawai Eksekutif PTC, Dr. Khong Yoon Loong dan Konsul Jeneral Jepun ke Pulau Pinang, Kiyoshi Ito.

Menurut Guan Eng, TDP dicetuskan oleh Kerajaan Negeri bersama sektor swasta bagi menarik minat dan memberi inspirasi kepada generasi muda terhadap sains, teknologi dan kejuruteraan.

“Acara (Minggu Teknologi Jepun) ini akan memberi peluang kepada pelawat, terutamanya generasi muda berhubung kefahaman tentang teknologi negara Jepun.

“Sains, teknologi dan kejuruteraan bukan sahaja menarik, malah pada masa sama boleh membantu menyelesaikan masalah juga. Mudah-mudahan ia memberi inspirasi kepada generasi muda untuk melanjutkan pelajaran dan memilih kerjaya dalam bidang ini pada masa depan,” ujarnya.

Antara syarikat terkemuka Jepun yang turut mengambil bahagian dalam pengajian Minggu Teknologi Jepun TDP ialah *Toray, Renesas* dan *Canon*.



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesahkan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 1639 : SHANMUGA SUNDARAM A/L MURUGASON - 71051507**** NO. 3 LORONG MARKISAH 4, TAMAN MARKISAH, BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 1683 : FONG YOKE THENG - 70010607**** PLOT 8 ELSIEDALE ESTATE MUKIM 18, MOUNT ERSKINE 10470 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 1721 : OOI CHOK SIEW - 69022407**** 17 JALAN PANTAI JERJAK 15, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 1790 : AZIZEE BIN AHMAD - 70101307**** NO 54 MK H SUNGAI BURUNG,
Penjamin 1	: GUNA SEKARAN A/L KALLIAPPAN - 64012907**** NO.8 LORONG BAKAWALI 4, TAMAN BAKAWALI 13300 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 1	: LIONG CHONG NGAK @ LEONG CHOONG MEN - 45012002**** 1-B LINTANG PAYA TERUBONG 5, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1	: FOO KOK YONG - 51051407**** NO.368 JALAN BATU MAUNG 11960 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ADZHAR BIN AHMAD - T711*** 43 LORONG BAGAN LALLANG 15, TAMAN BAGAN LALLANG
Penjamin 2	: SUNKUMAR A/L AYAVOO - 64051707**** BLOK G-1-10 JALAN SEMBILANG 14, TAMAN DESA CEMARA 13700 SEBERANG JAYA	Penjamin 2	: LEE THUAN CHEANG - 43121507**** 39 SOLOK MINDEN 1, MINDEN GARDENS RESIDENCE 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 2	: LIM CHEW LAY - 64122807**** 118 B4-9-1 PUTRA PLACE CONDO., PERSIARAN BAYAN INDAH, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ILIAS BIN TAHIR - RF55*** BLOK 13 G-1, PERMATANG DAMAR LAUT, 11900 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 1791 : MUHAMMAD BIN HASHIM - 72060602**** NO. 31 LORONG ANGGERIK, TAMAN HARMONI, KULIM 09000 KEDAH	No Akaun Peminjam	: 1792 : NAZIMAH BINTI MOHAMED MYDIN - 72041807**** 2B-4-10 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJAH REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 1794 : NG BOON SENG - 69070507**** 169C PERSIARAN PEGAGA, BAYU PERDANA, KLANG 41200 SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 1805 : TEO CHIN WAH - 69110607**** NO. 58-A JALAN RANGOON 10400 PULAU PINANG
Penjamin 1	: ARABI BIN SULAIMAN - 0667*** NO. 118 LORONG CENGAI BATU, TAMAN BERSATU 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 1	: MD IQBAL BIN MOHD MADAR - (MENINGGAL DUNIA)	Penjamin 1	: NG BAK KEE - (MENINGGAL DUNIA) NO. 17 TINGKAT SENTOSA 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 1	: CHONG WOON KHOON - 53021507**** 63A-18-1 JALAN LENGGONG 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2	: MOHD RASHID BIN HJ HASSAN - (MENINGGAL DUNIA) NO. 129 LORONG CENGAI BATU, TAMAN BERSATU 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: MOHD MYDIN BIN MOHAMED - 0577*** 2A-03-07 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJAH REHMAH 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: TEOW MOI SENG - 57052502**** 23 JALAN STESEN 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 2	: TEO CHIN TONG - 59091107**** 42 JALAN 3/17, BANDAR BARU SELAYANG 68100 BATU CAVES, SELANGOR
No Akaun Peminjam	: 1807 : LEE CHONG CHAI - 68060707**** NO. 474 MK 4 BATU ITAM, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 1815 : VIJAYAKUMAR A/L LECHUMANAN - 67060808**** NO.24 LORONG BIDARA 15, TAMAN BIDARA, MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 1824 : SURESH A/L VEERASAMY - 73092407**** NO 92 SLOK KIKIK 2, TAMAN INDERAWASIH, 13600 PERAI	No Akaun Peminjam	: 1839 : MOHAMED RAFIQ BIN MOHAMED MUSTAFA - 71052807**** 372 JALAN SUTERA, TAMAN MAZNAH, KAMPUNG JAWA 41000 KLANG, SELANGOR
Penjamin 1	: KHOO KEAN BENG - 64062007**** 73B-2-1 LEBUHRAYA JELUTONG, CENTRAL PARK, JELUTONG 10500 PULAU PINANG	Penjamin 1	: THANGAMANI A/L PITCHAYMUTHU - 56110807**** 12 LORONG SIAKAP 38, 13700 SEBERANG JAYA	Penjamin 1	: RATHAMANI A/P MURUGIAH - (MENINGGAL DUNIA) NO. 41 JALAN BUNGA RAYA A, KUMBANG, TAIPING, 34000 PERAK	Penjamin 1	: MOHAMED MUSTAFA B. SEENI MOHD - 41120107**** NO. 52 JALAN MALONG 17/19, SEKSYEN 17, SHAH ALAM, 40200 SELANGOR
Penjamin 2	: TAN KIM HOE - (MENINGGAL DUNIA) 102-C JALAN BATU GANTUNG, 10450 PULAU PINANG,	Penjamin 2	: DHARMALINGAM A/L DORAISAMY - 55082308**** 126 KAMPUNG MANIS, 13600 PERAI	Penjamin 2	: LIM SIEW KREAM - 4935*** NO. L2 JALAN RAJAWALI, TAMAN BERJAYA 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 2	: MAT SAAD BIN MUSTAPA - 46042507**** 1135 TAMAN BINTANG, JALAN PADANG BENGGLI 13050 BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam	: 1841 : LAI TECK BENG - 72030507**** 4910 TINGKAT SELAMAT 6, KAMPUNG SELAMAT 13300 TASEK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam	: 1865 : LIM SENG HUP - 70082107**** 28 LORONG KURAU 15, CHAI LENG PARK 13700 PERAI.	No Akaun Peminjam	: 1927 : MOHAMAD IZAHAM BIN MOHAMED YATIM - 72071307**** NO. 87-A JALAN SUNGAI,	No Akaun Peminjam	: 1935 : ROHANA BINTI ABDUL GHANI - 71080307**** 94 JALAN MAWAR 2, TAMAN MAWAR, FASA 1, 06000 JITRA, KEDAH
Penjamin 1	: KONG FOONG KIEW @ KONG OIL LIN - 46120610**** 20 LINTANG SEPAKAT, TAMAN BANDAR BARU 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: LIM KIM SAN - 39021507**** NO. 3 JALAN PADANG CHEMPEDAK, PADANG CHEMPEDAK 13300 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 1	: SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG ABDUL WAHID B ABU BAKAR - 63051807**** 87-A JALAN SUNGAI PINANG 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 1	: HASNAH BINTI YUSOF - 64011603**** 17 JALAN NIKEL SATU 7/26A, SEKSYEN 7, SHAH ALAM 40000 SELANGOR
Penjamin 2	: KHHOO BK KE - 5036*** 4076 JALAN DATUK HJ AHMAD BADAWI 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: TAN SIEW KEOK - 43021707**** NO. 2255 JALAN RAYA 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: MD UDIA B MD NOH - 48103002**** 231 PINTASAN MAYANG 1, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG	Penjamin 2	: AZAHAR BIN ABDUL GHANI - 68041607**** 26 LORONG SERI INDAH 5, TAMAN SERI INDAH, KAMPUNG PAYA 13200 KEPALA BATAS, SPU
No Akaun Peminjam	: 1939 : MOHAMAD ROSLI BIN YUSOFF - 72050907**** 20 MUKIM 7 PULAU BETONG, BALIK PULAU 11020 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 1983 : FAIRO'S BINTI BAHARUM - 71062607**** 925 PERMATANG SG DUA 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 1999 : YEOH JOO BOON - 70032307**** 1-10-6 TAMAN HUIAUN, HALAMAN ZOO SATU 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2018 : CHIEW YOU BOK - 70061607**** 21 LORONG IMPIAN 18, TAMAN IMPIAN 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: NORHAYATI BT YUSOFF - 65100107**** NO. 43 LORONG SERI EMAS 8, TAMAN SERI EMAS 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 1	: BAHARUM BIN HASHIM - 3771*** 925 PERMATANG SUNGAI DUA 13220 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: YEOH JOO IM - 64032707**** 14 LORONG KURAU 21, JALAN BARU 13700 CHAI LENG PARK, PERAI	Penjamin 1	: ONG SOO ENG - 51080607**** 91 JALAN INDAH, TAMAN SRI BUKIT INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: ZAINOL NAHAR BIN BAKER - 61011207**** NO. 11A KAMPUNG BATAS , MUKIM TEMIN, CHANGLOON 06010 KEDAH	Penjamin 2	: MARZUKHII BIN HASHIM - 55031807**** 17 LEBUH NAKHODA, TAMAN TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: OOI CHUAN TI @ OOI CHUAN TI - 55010107**** 14 LORONG KURAU 21, JALAN BARU 13700 CHAI LENG PARK, PERAI	Penjamin 2	: CHOO LAI HOO - 4086*** 64 JALAN BINJAI, TAMAN SRI RAMBAI, 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 2038 : TAN BEE AI - 69071907**** NO. 7 JALAN REBAB 3, TAMAN DESA TEBRAU 81100 JOHOR BAHRU, JOHOR	No Akaun Peminjam	: 2044 : GOH SIEW HEONG - 70101007**** 203-1 JALAN PAYA TERUBONG 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2049 : KUAIK LAY KHENG - 70071507**** 27 JALAN 1, TAMAN IMPIAN JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 2074 : GOH GAIK SIEW - 69091707**** B11-16 KAMPUNG MELAYU FLATS, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1	: MAH GH HAI HOCK - 59040307**** NO. 4361 JALAN ONG YI HOW, 13400 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: LOW KOOI CHOOON - 5851*** 338-Q JALAN PERAK, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: CHENG SOON SIAH - 1237*** NO. 6 LINTANG SEPAKAT, TAMAN BANDAR JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: SIM CHEE HWIA - A0149*** C2-16 RIFLE RANGE FLATS, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2	: YAP GAIK HEOH - 69071507**** NO. 5 LORONG MERANTI 3, TAMAN SUNGAI PUYU 13000 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: LEE WAT GUAN - 0276*** 408-C JALAN TAMAN CANTIK, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ANG KING GUAN - 56031107**** NO. 61 LINTANG BINJAI, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: GOH SOON HENG - A0611*** B11-16 KAMPUNG MELAYU FLATS, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 2106 : MOHD SHOKRI BIN DARUS - 63102607**** NO 156 JALAN MERANTI SATU , TAMAN JERAI FASA II, 08300 GURUN, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 2122 : FADZINU AULLA BIN MOHAMED - 70120107**** NO. 44 LORONG AZ-ZAHARAH 10/3, BANDAR PUNCAK ALAM 42300 KAPAR, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 2129 : SHAMSUL BAHARI BIN ABDUL MAJID - 70030405**** BLOK 1-1-07, RUMAH PANGSA MAK MANDIN SATU 13400 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 2157 : ARIVALAN A/L RAMAIYAH - 69071007**** 96 LORONG MURNI 20, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1	: MOHD ZAMRI BIN ABAS - 66112601**** NO. 49-2 JALAN BENUT, KG. DATO IBRAHIM MAJID 86200 SIMPANG RENGGAM, JOHOR	Penjamin 1	: AZHAR BIN AHMAD - 64020607**** NO.1269 PASIR GEBU, 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: JAMALUDIN BIN JAFFAR - 49080607**** LOT 56 KAMPUNG BARU, MAK MANDIN , 14300 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: MUNIANDY A/L DORAISAMY - 7915*** 10 JALAN BAGAN LALANG 3, TAMAN BAGAN LALANG, MAK MANDIN 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2	: KHAIRUDDIN BIN RAZALI - 58010308**** KAMPUNG LUBUK MERBAU, 33010 KUALA KANGSAR, PERAK	Penjamin 2	: SITI FATIMAH BT MOHAMED - 66022607**** NO.1269 PASIR GEBU, 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: ISHKAH BIN ISMAIL - 56120607**** NO. 81 MUKIM 4, 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 2	: STEPHEN SUTHAKAR A/L AROKIASAMY - A1360*** NO. 36 JALAN BERTAM INDAH 2, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
No Akaun Peminjam	: 2168 : BONNIE ANG SWIE CHIEN - 69020907**** 15 LORONG CP7/60, CHERAS PERDANA BATU 9 3/4, JALAN CHERAS 43200 CHERAS, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 2218 : LEONG PEI KUAN - 71090107**** NO. 6, LORONG 6/SS2, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG EMPAT, SPS	No Akaun Peminjam	: 2237 : TEO LEAM KEE - 71020707**** 12A LORONG PERMAI JAYA 12, TAMAN PERMAI JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 2249 : LIM CHONG SENG - 63111607**** 8 JALAN CEMPaka SD 12/4A, BANDAR SRI DAMANSARA 52200 KUALA LUMPUR
Penjamin 1	: LIM PENG HONG - 51060808**** NO.61 LORONG RUSA 5, TAMAN SELAMAT 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: TAN BEE LEAN - 6715*** 24 TINGKAT KIKIK 2, TAMAN INDERAWASIH 13600 PRAI	Penjamin 1	: TEO LAM BEE - A0612*** 33 LORONG SUNGAI TIRAM 4, TAMAN TUNAS DAMAI 11900 PULAU PINANG	Penjamin 1	: LIM CHOON HEE - 65061907**** NO. 112 JALAN MERAK 2, TAMAN MERAK 14110 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2	: NG BAK KEE - 0998*** NO.17 TINGKAT SENTOSA, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: MA FOONG SIM - 5908*** 130 TINGKAT KURAU 2, CHAI LENG PARK 13700 PERAI	Penjamin 2	: TEO LUM CHONG - A1054*** 33 LORONG SUNGAI TIRAM 4, TAMAN TUNAS DAMAI 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: PHOON YEW FOOK - (MENINGGAL DUNIA) NO.63 SARI 3, TAMAN CEMPaka, 31400 IPOH, PERAK
No Akaun Peminjam	: 2263 : HU SEONG LENG - 67083107**** 629 JALAN KEMPAS 19, TAMAN KEMPAS MERAH, 09000 KULIM, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 2295 : FAIZULL BIN NAZIR - 74093007**** NO. 720 LORONG NILAM 4/3, TAMAN DELIMA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 2341 : BARAMESWARI A/P THORERAJ - 73091007**** NO. 11 JALAN TEMBAGA MERAH 9, TAMAN SRI SKUDAI, SKUDAI 81300 JOHOR	No Akaun Peminjam	: 2364 : THARMANESAN A/L SUBRAMANIAM - 73011807**** NO. 6 LENGKOK RASA INDAH, TAMAN RASA INDAH 14200 SUNGAI BAKAP, SPS
Penjamin 1	: OOI CHEE KHOON - 6606*** 1-3-7 LEBUH RAMBAI 17, 11600 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1	: ABDUL WAHAB BIN AHMAD - 46100108**** NO. 3311 LORONG 117, TAMAN RIA, SUNGAI PETANI, 08000 KEDAH				

Perasmian & Tandatangan Perjanjian Antara ZPP dan Usahawan Asnaf

Oleh : **MOHD. WARDI RAMLI**
Ketua Bahagian Pengurusan Pembangunan Kualiti Asnaf & Ekonomi ZPP

SEBERANG JAYA – Baru-baru ini Majlis Perasmian Dan Tandatangan Dokumen Perjanjian Antara Zakat Pulau Pinang Dan Usahawan Asnaf telah diadakan. Majlis telah dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Dato' Haji Mohd Salleh bin Man dan turut hadir sama ialah Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Hussain.

Program usahawan asnaf ini adalah projek kerjasama antara Zakat Pulau Pinang (ZPP) dengan syarikat Sidratul Corporation Sdn. Bhd. dengan permulaan melantik 11 orang asnaf menjadi perintis untuk menjalankan perniagaan Magic Coffee dan Putu Buluh di sekitar Seberang Perai. Program ini



MOHD. Salleh Man memotong riben perasmian projek.



SEORANG usahawan asnaf menandatangani perjanjian.



SESI bergambar bersama-sama para perintis projek.



merupakan salah satu daripada beberapa program agihan zakat dalam membantu asnaf di Pulau Pinang.

InshaAllah dalam tempoh empat bulan, dengan tekad dan azam beserta komitmen semua pihak, Zakat Pulau Pinang mensasarkan seramai 100 orang usahawan asnaf akan berjaya membuka perniagaan ini di seluruh Pulau Pinang. Sebarang pertanyaan atau mananya asnaf yang berminat dengan program ini, boleh menghubungi Bahagian Pengurusan Pembangunan Kualiti Asnaf dan Ekonomi di talian terus 04-549 8155 / 8154



ANTARA usahawan asnaf yang hadir.



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha menges semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 2394 : KANG AH NYA - 70062907**** D-7-21 BLOK DAMAI CRIMSON APT. ARA DAMANSARA, PETALING JAYA 47301 SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 2407 : YEOH CHEE KIEAN - 71100407**** 4-5-8A TIVOLI VILLAS CONDO, JALAN MEDANG TANDUK, BANGSAR 59100 KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam	: 2420 : MOHAMMAD FAUZI BIN ISMAIL - 73101607**** NO. 14 PINTAS BERANI 4, JLN MOHD SAAD, BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 2451 : AMRAN BIN ABDULLAH - 74052007**** B-16 RUMAH TRANSIT 2, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG
Penjamin 1	: KANG BOON PIN - 64052808**** 105B-03-08 BAYSTAR, PERSIARAN BAYAN INDAH 1, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: NGI CHONG SENG - 67041607**** 27 LORONG MARKISAH 20, TAMAN MARKISAH 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: MOHAMAD AKHIR BIN MUSTAFFA - 64072802**** C02-06 KONDOMINIUM MUTIARA, JALAN PERDA BARAT 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: MOHD NORDIN BIN SIROON - 59052307**** M-G-15 PANGSAPURI, TANJUNG TOKONG, FASA 4A 10470 PULAU PINANG
Penjamin 2	: LAU CHAI CHOO - 62020408**** 154 JALAN KOTA PERMAI, KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: WONG KIN LIM - 59022308**** D 26-6-1 TAMAN KRISTAL, 10470 MOUNT ERSKINE, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZAINOL BIN ABDUL KARIM - 55120507**** 5-2-2 PANGSAPURI PRIMA VIEW, LEBUH NIPAH 2, SG. NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: MARZUKI BIN ABIDIN - 66012709**** NO. 14 BLOK F TAMAN SRI TANJONG, BEHOR LATEH, KANGAR 01000 PERLIS
No Akaun Peminjam	: 2460 : ARMIY RAIS B AHMAD SHARIFUDIN - 71031308**** 49 JALAN UBIN U/19A, BUKIT JELUTONG, SHAH ALAM 40150 SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 2536 : SARAVANAN A/L SUBARAMANIAM - 70091407**** IBU PEJABAT POLIS DAERAH, LABUAN 87007 SABAH	No Akaun Peminjam	: 2556 : LOH EWE KANG - 71091007**** B286 PDC FLATS WELD QUAY 10300 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2573 : ZULKARNAIN BIN ABDULLAH - 62102007**** 11 JALAN P. RAMLEE 10460 PULAU PINANG
Penjamin 1	: HAFIDZI BIN ABDULLAH - 57120708**** NO. I JALAN MARKISA, KAMPUNG JAMBU, 34000 TAIPING, PERAK	Penjamin 1	: SHANMUGAM A/L SUBRAYAN - 64070302**** 8681 POKOK MACHANG 13300 TASEK CELGUR, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: TAN SAY KIM - 4086*** 6-2-1 LENGKOK MAHSURI, BANDAR BAYAN BARU 11950 PULAU PINANG	Penjamin 1	: AZMAN SHAH BIN OMAR SHAH - 60043008**** NO. 19 JALAN JAMBU BERTIH 4/3F, SEKSYEN 4, SHAH ALAM 40000 SELANGOR
Penjamin 2	: NOR AZNI BIN NORDIN - 54050108**** NO. 237 LORONG 16, TAMAN SRI KOTA 2, 34000 TAIPING, PERAK	Penjamin 2	: K RAJINTHRAH A/L P KRISHNAN - 64101310**** LOT 73 TAMAN MELLENNium, JALAN TINOSAN BATU 4, 90000 SANDAKAN, SABAH	Penjamin 2	: LOH SAW HUA - 0279*** 348-13-6 MACALLUM STREET GHAUT 10300 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ABDUL RAHIM BIN ISMAIL - 59071507**** 32 LORONG MURNI 4, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam	: 2602 : CHOON ANNE ANNE - 72012110**** A16-09 BLOCK A, USJ ONE AVENUE CONDO, PERSIARAN SUBANG MEWAH USJ 1, 47600 SUBANG JAYA, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 2618 : LEE SEONG TATT - 72032207**** 16 LORONG DESA PALMA 3, TAMAN DESA PALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 2621 : LIM BEE NAH - 720440307**** 6V-1-4 LORONG SEMAK API 2, BANDAR BARU AYER ITAM 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2634 : OON CHIN WAH - 70042007**** RB 7-G-7 TAMAN TUNAS MUDA, PERSIARAN BAYAN 3, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1	: CHU AH POW - 42062608**** A16-09 BLOK A, USJ ONE AVENUE CONDO, PERSIARAN SUBANG MEWAH USJ 1, 47610 SUBANG JAYA, SELANGOR	Penjamin 1	: LEE GUAT BEE - 62111407**** D 234 LORONG 16, TAMAN SEJATI INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 1	: CHOOONG KEAN TAT - 65012807**** 5-4-1 TAMAN SRI DAMAI, LEBUHRAYA BATU LANCANG 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: SIM GYA LEE - 44092107**** 15 EVERGREEN ROAD, FETTES PARK, TANJONG BUNGAH 11200 PULAU PINANG
Penjamin 2	: ANG ENG THANG - 71042807**** 12A JALAN SELAYANG INDAH, TAMAN SELAYANG INDAH 13020 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: HO CHEOW BENG - 61042407**** NO. 21 LORONG SERI BERTAM 4, TAMAN SERI BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: HENRY GOH WEE BOO - 70053107**** 1-3A-10 SUMMER PLACE, LEBUH SUNGAI PINANG 8, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: DAVID KHIEW - 70070907**** 11A-11-12A TAMAN TERUBONG JAYA 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 2567 : SUNDARESAN A/L SATHASIVAM - 71122807**** 33 JALAN DAMAI PERDANA 4/1E, BANDAR DAMAI PERDANA, CHERAS 56000 KUALA LUMPUR	Penjamin 1	: SATHASIVAM A/L KUDDAYAN - (MENINGGAL DUNIA) 24 LORONG REMIA 4, TAMAN REMIA, CHEROK KUN ATAS 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 2641 : LOO SUE PING - 72041508**** NO. 12 PINTASAN KELICAP 11, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: LOO NAM KING @ LOO NAM CHIN - 47032508**** NO. 12 PINTASAN KELICAP 11, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1	: INDRANEE A/P M MUNIANDY 1160 KAMPUNG BARU, JALAN KULIM, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2		Penjamin 2	: PHEN PAT HOON - 56043008**** 79 LORONG BUKIT PANCHOR 3, TAMAN BUKIT PANCHOR 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 2	

UBB: KN sambut baik sokongan Nur Jazlan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN -

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyambut baik sokongan yang diberikan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed berhubung kenyataannya terhadap pameran *United Buddy Bears* (UBB) di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, semangat yang ditunjukkan Nur Jazlan merupakan semangat 'Malaysia untuk semua'.

"Kerajaan Negeri berbesar

hati dan berterima kasih kepada beliau (Nur Jazlan) kerana menyokong kita (Pulau Pinang) mempromosikan keamanan dan toleransi.

"Sekurang-kurangnya, beliau (Nur Jazlan) mempunyai sikap bahawa negara (Malaysia) ini untuk semua dan kita adalah negara yang bersederhana dalam semua aspek," ujarnya selepas mengadakan lawatan ke Pameran UBB di Padang Kota Lama bersama-sama Duta Jerman di Malaysia, Holger Michael di sini baru-baru ini.

Turut sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam



KETUA MENTERI bersama-sama Holger Michael ketika mengadakan lawatan ke pameran UBB di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan) dan Wong Hon Wai (Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Air Itam).

Baru-baru ini, Nur Jazlan dalam satu kenyataan

menyifatkan kejadian vandalism pada patung UBB di Pulau Pinang merupakan suatu tindakan mencemarkan imej Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang sederhana.

Lanjutan itu, Nur Jazlan turut menerima rungutan dan aduan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO)

dari Jerman dan dutanya di Malaysia berhubung kes tersebut.

Dalam pada itu, Michael ketika ditemui memberitahu, patung UBB adalah melambangkan kepelbagai, toleransi dan persefahaman, terutamanya di antara Jerman, Malaysia dan Pulau Pinang.

Penang, Malaysia Buddy Bears simbol toleransi sejahtera

GEORGE TOWN - Patung *Malaysia Buddy Bear* hasil rekaan anak jati Pulau Pinang, Kenny Lee Ooi Meng, 47, dari Bukit Mertajam baru-baru ini bakal menjelahi dunia bersama-sama 143 United Buddy Bears (UBB) lain.

Manakala, patung *Penang Buddy Bear* yang juga hasil rekaan beliau akan kekal dipamerkan di negeri ini.

Kedua-dua rekaan tersebut

bercirikan kendaraan pengangkutan menarik di Pulau Pinang seperti keretapi Bukit Bendera, feri serta beca dengan berlatarbelakangkan bendera Malaysia dan Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, **dua patung Buddy Bears tersebut merupakan kebanggaan negeri kerana ia akan bersama-sama yang lain menyebarkan pesanan bermakna kepada seluruh dunia.**

"Ia bukan sahaja wakil dari

Pulau Pinang, 'Pulau Mutiara', malah ia sama-sama akan membawa mesej mempromosikan toleransi, persefahaman, perpaduan dan keamanan dalam kalangan manusia sejahtera.

"Bukan itu saja, kita seharusnya tidak berdiskriminasi di antara kaum, agama dan latar belakang kerana kita semua adalah insan sebahagian daripada manusia sejahtera yang harus hidup aman damai serta saling toleransi,"

ujarnya pada Majlis Pelancaran Malaysia dan Penang UBB di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd Rashid Hasnon dan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

UBB terdiri daripada 143 patung berbentuk beruang setinggi dua meter yang mewakili negara di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Pameran berkaitan diadakan di Padang Kota Lama di sini bermula 31 Ogos lalu hingga 30 Oktober 2016.



RUPA bentuk Malaysia dan Penang **Buddy Bears** yang dipamerkan di Padang Kota Lama di sini.

TABUNG USAHAWAN TANI MUDA NEGERI PULAU PINANG

BORANG-BORANG BOLEH DIDAPATI DI:
JABATAN PERTANIAN +04-537 2142
JABATAN PERIKANAN +04-657 2777
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR +04-508 4368

Tabung Usahawan Tani Muda merupakan program skim mikro kredit oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menawarkan pinjaman tanpa faedah berjumlah RM5,000 bagi membantu usahawan-usahawan tani di negeri ini memperkembangkan perusahaan masing-masing.

Antara penerima skim Tabung Usahawan Tani Muda yang berjaya dan cemerlang ialah Muhammad Hashim yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT); Mohd. Salmee Ismail (penanaman sayur-sayuran, Daerah SPT) dan Khairul Nizam Mat Taib (penternakan ayam piru, Daerah Seberang Perai Utara, SPU). Daftarlah sekarang!!

Exco puji amalan kitar semula NGO

BUKIT TAMBUN – Jumlah berat barang-barang kitar semula yang berjaya dikumpulkan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Buddhist Tzu Chi Foundation* pada tahun 2011 adalah 28.77 tan metrik.

Jumlah tersebut terus meningkat kepada 29.47 tan metrik pada 2012, 30.11 tan metrik (2013), 30.53 tan metrik (2014) dan 32.21 tan metrik (2015).

Mengulas lanjut, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, amalan kitar semula yang dilaksanakan oleh pertubuhan tersebut sejak lima tahun lalu merupakan antara penyumbang terbesar kepada peningkatan kadar peratus kitar semula Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

“Empat bulan pertama tahun 2011, NGO ini hanya berjaya mengutip barang-barang kitar semula seberat 2.61 tan sahaja, tetapi angka itu terus meningkat saban tahun.

“Dan, sehingga bulan Ogos tahun ini (2016), mereka (*Buddhist Tzu Chi Foundation*) berjaya mengutip barang kitar semula seberat 21.43 tan metrik.



CHOW Kon Yeow (berdiri, empat dari kiri) ketika mengadakan lawatan ke Pusat Kitar Semula Taman Tambun Indah di sini baru-baru ini.

“Kami (Kerajaan Negeri) amat berterima kasih atas inisiatif NGO ini, dan mengharapkan mereka dapat menjayakan amalan (daripada) Dasar Pengasingan Sisa Di Punca pula selepas ini,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota ketika mengadakan lawatan ke Pusat Kitar Semula Taman Tambun Indah di sini baru-baru ini.

Contoh amalan sisa sifar Pangsapuri Taman Pandan, seru ADUN

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

SUNGAI PUYU – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu, Phee Boon Poh berharap lebih banyak taman perumahan atau komuniti di negeri ini menjadikan Pangsapuri Taman Pandan sebagai contoh berhubung inisiatif pelaksanaan amalan sisa sifar.

Beliau yang juga Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar berkata, amalan sisa sifar yang dijalankan komuniti Pangsapuri Taman Pandan di sini merupakan salah satu langkah memelihara dan memulihara alam sekitar.

“Amalan ini merupakan satu elemen yang penting untuk memelihara alam sekitar kerana dapat meminimakan penghasilan sampah yang perlu diantar ke tapak pelupusan sampah sekaligus dapat membantu mengurangkan kesan perubahan cuaca.

“Oleh itu, saya menyeru agar lebih banyak taman-taman perumahan di negeri ini dapat mengikuti jejak komuniti di sini dalam mengurangkan penjanaan sisa pepejal dan sampah-sarap dengan melibatkan komuniti setempat,” ucapnya pada Majlis Perasmian Projek Pengkomposan Pangsapuri Taman Pandan di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato’ Maimunah Mohd. Sharif, Gary Teoh Kiang-Hong (Pengarah Urusan AUTO-City Group) serta Teoh Soo Thiam (Timbalan Pengurus Perbadanan Pengurusan Taman Pandan) hadir sama pada majlis itu.

Dalam pada itu, Maimunah memberitahu, keterbukaan pihak pengurusan Pangsapuri Taman Pandan menjalankan program pengkomposan bersama-sama MPSP merupakan langkah permulaan penting untuk membentuk sebuah komuniti lestari.

“Bukan sahaja ia dapat memanjangkan jangka hayat Pulau Burung (tapak pelupusan sampah di Pulau Pinang) kerana lebih daripada 50 peratus



PHEE Boon Poh (kanan sekali) dan **Maimunah Mohd. Sharif (tengah)** memerhatikan proses pengkomposan sisa baki bersempena Majlis Perasmian Projek Pengkomposan Pangsapuri Taman Pandan di sini baru-baru ini.

sampah yang dibuang oleh penduduk Seberang Perai merupakan sisa domestik, yang mana dapat dikurangkan melalui kitar semula dan pengkomposan, tetapi juga dapat memelihara alam sekitar.

“Justeru, melalui program-program anjuran MPSP, kami (MPSP) berusaha meningkatkan kesedaran rakyat negeri ini untuk menangani sisa buangan dengan lebih berkesan melalui pengasingan sisa di punca,” jelasnya.

Terdahulu, Maimunah memberitahu, pihak pengurusan Pangsapuri Taman Pandan telah berjaya meraih Anugerah Komuniti Mampan anjuran MPSP pada tahun 2014 dan 2015.

“Bukan itu sahaja, kini, pihak pengurusan yang sama turut menjadi mentor kepada sekolah dan komuniti setempat serta menerima kunjungan dari *United Nations Environment Programme* (UNEP), *Climate & Clean Air Coalition* (CCAC) dan Bank Dunia,” jelasnya.

Sejak Januari 2002 sehingga kini, sebanyak 237.829 tan barang kitar semula telah dikumpulkan pihak pengurusan Pangsapuri Taman Pandan dengan nilai RM52,683.00.



Maimunah Mohd. Sharif (empat dari kanan), Alvin Lim Theng Hooi (tiga dari kanan), Steven Sim Chee Keong (kanan sekali) dan **Sr. Rozali Mohamud (kiri sekali)** menunjukkan pokok hujan-hujan yang bakal ditanam bersempena Majlis Penanaman Pokok Bersama Kelab Lions di sini baru-baru ini.

Tanam lebih banyak pokok, sayangi alam, seru YDP

BUKIT MERTAJAM – Yang di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato’ Maimunah Mohd. Sharif menyeru orang ramai supaya menyemai perasaan sayang terhadap alam semula jadi dengan mengambil inisiatif menanam lebih banyak pokok untuk mengurangkan kesan gas rumah hijau

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Penanaman Pokok Bersama Kelab Lions Pulau Pinang di Jalan Song Ban Keng, Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.

Maimunah berkata, inisiatif tersebut boleh dilaksanakan menerusi program kemasyarakatan ataupun tanggungjawab sosial korporat (CSR).

“(Inisiatif) ini boleh dijalankan oleh individu dan orang ramai melalui program kemasyarakatan ataupun CSR seperti yang dilaksanakan Kelab Lions (Pulau Pinang) kini,” katanya pada majlis berkaitan.

Pada pengajuran tersebut, sebanyak 50 pokok *raintree* atau pokok hujan-hujan hasil sumbangan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah ditanam, manakala baki 50 pokok lagi bakal ditanam dalam tempoh terdekat.

Turut serta, Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani.

Tambah Kon Yeow, Dasar Pengasingan Sisa Di Punca dilaksanakan sejak 1 Jun lalu, dan akan dikuatkuaskan pada 1 Jun 2017.

Sebelum itu, wakil *Buddhist Tzu Chi Foundation*, Lim Lee Ping memberitahu, pihaknya mengumpul barang-barang buangan yang boleh dikitar semula dari kira-kira 35 unit rumah di Taman Tambun, kawasan-kawasan sekitar serta beberapa kilang di sini.

Beliau yang juga penyelia operasi di pusat sumber kitar semula menyatakan bahawa lokasi di sini dijadikan tempat pengumpulan kertas, logam, kaca, plastik, peralatan elektrik dan sisa dapur.

“Wang yang dikumpul (daripada hasil menjual barang-barang yang dikitar semula) ini kemudiannya akan digunakan untuk tujuan amal.

“Kami amat berterima kasih kepada penduduk setempat yang turut bertungkus-lumus menjayakan amalan kitar semula ini,” jelasnya.

Kadar kitar semula MPSP dan negeri masing-masing direkodkan paling tinggi di Malaysia, iaitu 39 peratus dan 32 peratus.



Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong, Datuk Alvin Lim Theng Hooi (Pengerusi Kelab Lions Tanjung), Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha Perbandaran MPSP) dan Tan Cheong Heng (Ahli Majlis MPSP).

Mengulas lanjut, Maimunah memberitahu, sejak 2008 sehingga kini (2016), MPSP telah menanam sebanyak 10,658 batang pokok, diikuti pihak pemaju (51,800) dan orang ramai melalui program CSR (2,754).

Beliau dalam pada itu turut mengingatkan penduduk di kawasan Seberang Perai agar terus menjaga dan memelihara pokok-pokok yang telah ditanam di kawasan kediaman masing-masing.

“Walaupun usaha pemeliharaan ini nampak kecil, namun ia dapat mempengaruhi iklim dan seterusnya memberi kesan kepada cuaca dunia sekarang.

“Dengan memelihara pokok, kesan cuaca panas dan kering yang melanda negara kini akibat daripada pemanasan global dapat dikurangkan,” ujar Maimunah.

Cabar diri berjalan atas laluan berkaca Rainbow Skywalk

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD & ALISSALA THIAN

DIJANGKA dibuka Disember ini!

Satu lagi tarikan terbaru di Komtar bakal muncul - *Rainbow Skywalk@The TOP*.

Merupakan sebahagian daripada *The TOP* (yang disiarkan pada keluaran sebelum ini), *Rainbow Skywalk@The TOP* (*Rainbow Skywalk*) merupakan laluan gantung berlantai kaca terpanjang di Malaysia yang dibina pada ketinggian 244.6 meter dari aras laut atau Tingkat 68 menara Komtar.



PENULIS dan jurugambar Buletin Mutiara bergambar kenangan di atas laluan gantung berlantai kaca Rainbow Skywalk.



PEMANDANGAN bawah ketika melalui laluan gantung pada ketinggian 244.6 meter dari aras laut.



SALAH satu landskap yang direkabentuk.



PEMANDANGAN sebahagian bandar George Town yang dirakam.



LALUAN berkaca Rainbow Skywalk.

Sebagai anak jati Penang, yang lahir dan membesar di sini, banyak pembangunan yang penulis lihat. Merentasi abad, negeri ini telah mengalami transformasi dan tampil dengan daya tarikan baru bagi menyemarakkan kedatangan pelancong ke sini.

Kalau sebelum ini anda pernah ke The Shore Sky Melaka, saya yakin Rainbow Skywalk menjanjikan lebih tarikan.

Terletak di tengah-tengah bandaraya George Town, laluan gantung tersebut turut dilengkapi sebuah dek pemandangan 360 derajat.

Berukuran 16 meter panjang dan berdiameter 5.5 meter, Rainbow Skywalk pastinya menjanjikan suatu pengalaman menarik buat mereka yang berani dan sukakan cabaran.

Malah, penulis yang sedaya mungkin cuba mengelak menjajakan kaki ke tempat-tempat tinggi ekoran fobia kepada ketinggian atau lebih dikenali, *acrophobia*, namun, rasa ingin mencuba membuat apabila melihat rakan sekerja bersahaja berjalan di laluan berkenaan pada sesi lawatan khas yang diatur ini.

Ternyata dah cuba sekali, hilang rasa takut dan gayat, malah seronok pula seperti berjalan di atas udara.

Mana tidaknya, penulis dapat melihat kenderaan yang lalu-lalang di bawah, rakamkan gambar sebanyak mungkin dan lebih menarik apabila dapat melihat taman tema, *Jurassic Research Center* di *The TOP* yang kini dalam proses untuk disiapkan.

Amat sesuai untuk mereka yang suka *berselfie*, sekiranya bertuah, para pengunjung dapat merakamkan suasana matahari terbenam. Malah, turut kelihatan, pemandangan sebahagian tanah besar Seberang Perai.

Nantikan pembukaannya, cabar diri anda!

Syor penduduk Bagan Dalam pasang pam penahan banjir diterima – Exco

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

JELAJAH Sedia Mendengar Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow ke Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bagan Dalam baru-baru ini merupakan siri yang kedua, selepas program serupa di Sungai Pinang pada bulan September lalu.

Di Flat Taman Bagan, ada lima perwakilan penduduk secara lantang bertanya, mengkritik, memberi syor serta berkongsi pengalaman mengenai kelemahan hal penyelenggaraan kemudahan asas setempat serta kejadian banjir kilat yang acap kali berlaku di beberapa lokaliti di sini.

“Tujuan utama adalah untuk mendengar suara rakyat, kalaupun ada apa-apa isu yang perlu diambil perhatian dan tindakan, lawatan ini akan membolehkan penduduk menyuarakannya.

“Saya sendiri, wakil rakyat dan wakil jabatan (kerajaan) akan mendengarnya serta mengambil tindakan, sama ada jangka pendek, jangka sederhana ataupun yang lebih rumit mungkin jangka panjang kerana melibatkan cabaran kewangan.

“Untuk pelan jangka pendek, pihak JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) telahpun menerima cadangan penduduk di sini untuk memasang pam di kolam penahan banjir (*detention pond*) bagi mencegah banjir di Taman Bagan ini.

“Untuk projek jangka panjang, Saiful (Rizan Sanusi), Jurutera JPS Daerah Seberang Perai Utara (SPU) memberitahu saya bahawa peruntukan antara RM30 juta hingga RM50 juta diperlukan, itu pun tidak termasuk kos pengambilalihan tanah,”



CHOW Kon Yeow bersama-sama pemimpin Kerajaan Negeri lain melawat lokasi pintu air parit monsun berhampiran Bagan Specialist Centre sempena Jelajah Sedia Mendengar KADUN Bagan Dalam di sini baru-baru ini.

ujarnya sambil merakamkan ucapan terima kasih kepada para perwakilan penduduk yang interaktif dalam program ‘Jelajah Sedia Mendengar’ tersebut.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota itu turut menjelaskan secara ringkas mengenai inisiatif Kerajaan Negeri membentangkan Pelan Induk Tebatan Banjir bagi semua daerah, termasuk SPU di Komtar baru-baru ini.

Pada sesi interaksi sama, ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan memberitahu, kerja-kerja penyelenggaraan di Taman Bagan antaranya, adalah penukaran tangki air dengan nilai keseluruhannya berjumlah RM32,000 pada bulan Mei lalu.

Tanasekharan turut memanjangkan hasrat Pengurus Perbadanan pengurusan Lot 3385 Taman Bagan

Butterworth, Tan Choo Beng serta penduduk setempat untuk menurap jalan serta membina rumah urus mayat bukan Islam di sini.

Dalam reaksi balas, Setiausaha Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud menjelaskan bahawa kawasan perumahan tersebut berstatus tanah persendirian dan memerlukan beberapa langkah lanjut oleh perbadanan pengurusan (MC) sendiri.

“(MC) kena minta persetujuan dalam mesyuarat agung supaya bahagian-bahagian tertentu dalam lot tanah persendirian ini dibina sebuah rumah urus mayat, dan selepas itu hantarlah permohonan di bahagian COB (Jabatan Pesuruhjaya Bangunan) MPSP untuk mendapat nasihat mengenai pelan bangunan dan perkara-perkara lain,” respons Rozali.

Selepas itu, Kon Yeow membawa semua yang terbabit untuk melihat sendiri keadaan parit monsun berhampiran Bagan Specialist Centre.

Menurut Tanasekharan, kejadian banjir terjadi di sekitar Taman Bagan apabila keadaan air laut pasang serentak dengan hujan yang lebat.

Tambah Kon Yeow, Kerajaan Negeri pada bulan Julai tahun lalu telahpun melakukan kerja-kerja penarafan pintu air parit monsun di sini yang menelan belanja RM354,000, dan memerlukan peruntukan yang lebih besar untuk pelaksanaan pelan jangka masa panjang negeri.

Kawasan ‘Jelajah Sedia Mendengar’ seterusnya adalah di Kampung Perlis dan Taman Limbungan Indah.

Di kawasan tanah persendirian itu, isu bumbung rumah bocor, jalur tar-

tak diselenggara serta isu pengurusan sampah-sarap, banjir kilat akibat aras tanah yang terlalu rendah antara yang dibangkitkan oleh penduduk.

Isu-isu malar segar serupa turut dibangkitkan oleh Perbadanan Pengurusan (MC) Flat Sri Bagan.

Tanasekharan turut berharap Kerajaan Negeri dapat mengeluarkan peruntukan HAPPY! atau Program Bantuan Perumahan Rakyat Pulau Pinang untuk memperbaiki salah sebuah lif di Flat Taman Sri Bagan.

Kon Yeow pula turut meminta MC setempat memulakan program memelihara kebersihan setempat, termasuk melaksanakan amalan kitar semula dan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca dengan kerjasama langsung dengan MPSP.

“Rata-rata kawasan flat di Bagan ini berusia kira-kira 20 tahun, maka sudah tentu memerlukan kos penyelenggaraan yang banyak.

“Kerajaan Negeri dengan kemampuan kewangan yang ada akan melaksanakan tanggungjawabnya.

“Tetapi, pada masa sama, penduduk setempat mestilah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada MC, JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti), MPSP serta Pejabat ADUN sendiri untuk memulihara keadaan kawasan tempat tinggal masing-masing supaya kembali bersih.

“Ini kerana, kerja memulihara kebersihan ini memerlukan komitmen semua penduduk setempat,” ujar Kon Yeow.

Di Ujung Batu pula, Kon Yeow dan Tanasekharan menjelaskan kepada penduduk mengenai status terbaru rancangan Kerajaan Negeri mengadakan tender terbuka untuk membina 600 unit rumah mampu milik pelbagai kategori tidak lama lagi.



CHOW Kon Yeow menyantuni seorang warga emas di Kampung Perlis ketika program ‘Jelajah Sedia Mendengar’ Peringkat KADUN Bagan Dalam baru-baru ini.



A. Tanasekharan.

ADUN Jawi tak kisah telefon macam ‘jam loceng’ selesai masalah rakyat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **PEJABAT ADUN**

SOON Lip Chee senantiasa mencari jalan untuk memajukan infrastruktur Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi, sungguhpun berada di pinggir bandar Pulau Pinang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi itu memasang tekad untuk membawa sebanyak mungkin program pembangunan negeri ke Jawi, sejak diberi mandat rakyat dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) pada 5 Mei 2013.

Sehingga kini, sudah dua tahun berturut-turut, Karnival Pesta Tanglung Peringkat Negeri Pulau Pinang selama tujuh hari dilangsungkan di Jawi.

Penganjuran Festival Durian Peringkat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) saban tahun sejak 2015 diharap turut menggamtir lebih banyak projek pembangunan negeri dan pelancongan ke KADUN berkenaan.

“Fasa pertama Festival Durian 2016 Jawi SPS selama sebulan bermula pada pertengahan bulan Mei, manakala fasa kedua bermula pada 22 Julai hingga 21 Ogos 2016 di Jalan Serindin Sungai Jawi.

“Ini adalah salah satu aktiviti untuk memperkenalkan buah durian tempatan yang sangat terkenal, seperti *Oche, Musang King* dan beberapa jenis lagi.

“Projek menaiktaraf Bulatan Kelip-Kelip dan Mercu Tanda Kapal di bulatan Jalan Sungai Daud dekat (Kawasan Parlimen) Nibong Tebal terus menggamtir pelancong ke sini untuk menikmati habitat kelip-kelip, udang galah dan pelbagai lagi masakan tempatan yang enak.

“Satu lagi, adalah pameran belon udara panas turut dianjurkan di Padang Jawi, supaya Jawi ini juga akan menjadi salah satu destinasi pelancongan pilihan negara, khususnya dari pengunjung Utara Semenanjung Malaysia,” jelasnya ketika diwawancara Buletin Mutiara baru-baru ini sambil merakamkan penghargaan atas keprihatinan pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

INFRASTRUKTUR

Lip Chee memberitahu pembangunan turut melimpah ke KADUN Jawi.

Antaranya, pembinaan gelanggang bola keranjang berbumbung di Taman Berjaya pada tahun 2014.

Selain itu, kerja-kerja penarafan turut



SOON Lip Chee (depan, empat dari kiri) bergambar kenangan dengan barisan ibu bapa dan para pelajar yang mengikuti Program Tuisyen Percuma hasil inisiatif beliau.

dilakukan di padang Taman Berjaya pada 2015, seperti pembinaan trek jogging dan pemasangan paip nyah air bertakung dari kawasan padang awam itu.

Masalah air bertakung di Padang Permainan Taman Bestari turut diselesaikan selepas projek penarafan dilakukan oleh Kerajaan Negeri.

Lip Chee memberitahu, Kerajaan Negeri turut menerima permohonannya membina gelanggang sepak takraw berbumbung di Kampung Bagan Buaya, Changkat dan siap pada hujung tahun lalu.

“Projek-projek penarafan lain seperti gelanggang sepak takraw di kawasan perumahan Desa Jawi, di hadapan Dewan JKJK Sungai Jawi, menurap jalan rosak di Ladang Changkat, Ladang Kalidonia, Ladang Byram dan Ladang Victoria yang rata-rata adalah kawasan komuniti kaum India,” jelasnya.

Pun begitu, Lip Chee memberitahu bahawa pihaknya sedaya-upaya memastikan projek pembangunan negeri melimpah ke semua kawasan, membabitkan semua kaum.

“Daripada 24,735 pengundi berdaftar, 22 peratus pengundi di Jawi ini adalah Melayu, Cina (54 peratus) dan India (24 peratus), dan saya sedaya-upaya memastikan semua kepentingan kaum di Jawi dapat merasai projek pembangunan negeri.

“Bukan di kawasan majoriti India sahaja kita pergi, kerja-kerja menurap jalan turut dilakukan di kawasan majoriti Melayu seperti

di Kampung Bagan Buaya, Kampung Teluk Ibil dan Kampung Changkat.

“Begitu juga di kawasan majoriti Cina, (kerja-kerja menurap jalan turut dilakukan) seperti di Kampung Tonghai, Kampung Changkat, Kampung Cina dan Kampung Sanglang.

“Selain Kerajaan Negeri, kadang-kadang kita terpaksa meminta PBAPP (Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang), TNB (Tenaga Nasional Berhad), JKR (Jabatan Kerja Raya), Pejabat Tanah serta beberapa NGO (pertubuhan bukan kerajaan) untuk membantu projek menaik taraf kemudahan asas, atas nama CSR (tanggungjawab sosial korporat).

“Sebelum saya menjadi ADUN, tiada satupun alat kelengkapan senam terbuka disediakan di Jawi, tetapi sekarang sudah ada di Taman Berjaya, Taman Seri Bayu, Perkampungan Jawi, Changkat, Taman Cenderawasih, Taman Bukit Panchor, Taman Nuri Indah dan satu lagi di Kampung Teluk Ibil.

“Pun begitu, masih banyak lagi keperluan asas diperlukan di kawasan luar bandar seperti Jawi, antaranya lampu jalan, jalan tar kampung, paip bomba, paip bekalan air bersih yang di sesetengah tempat masih tidak cukup,” jelasnya.

Kini, menurut beliau, projek pembangunan infrastruktur yang ketara turut boleh dilihat pada Dewan Serbaguna Jawi serta komponen projek penarafan lain yang keseluruhannya menelan belanja RM245,500.

PENGALAMAN MENCABAR

Lip Chee mencebur arena politik pada tahun 2008 dan pernah menjadi Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada tahun 2008 hingga 2013.

Sepanjang tempoh itu, beliau dikenali sebagai seorang Ahli Majlis yang lantang di Dewan Mesyuarat MPSP dan senantiasa mencari jalan untuk menyelesaikan masalah banjir di Seberang Perai, khususnya di Jawi sendiri.

“Bencana akibat hujan ribut kuat, kebakaran atau banjir, kita baiki dari segi kerosakan dengan menggunakan saluran peruntukan yang ada.

“Untuk masalah banjir, JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) memang mendengar aduan kita dan telahpun ada (Pelan Induk) Tebatan Banjir untuk jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang secara menyeluruh.

“Apabila banjir, saya tak kisah telefon saya berdering berkali-kali macam ‘jam loceng’ seawal 2 pagi, saya faham bahawa aduan rakyat ini kerana mereka mahu masalah ini ditangani segera,” jelasnya.

PROGRAM KEBAJIKAN

Bagi Lip Chee, kekurangan sumber dana serta cabaran-cabaran yang didepannya tidak wajar mematahkan semangat untuk terus melaksanakan program kebajikan rakyat.

Beliau melahirkan rasa syukur, program kebajikan yang dianjurkan setakat ini senantiasa mendapat CSR daripada beberapa NGO dan orang perseorangan tertentu.

Setiap dua bulan dalam tahun ini, katanya, lebih 100 keluarga kurang upaya terpilih diberi hamper berupa barang-barang keperluan harian, di bawah Program Prihatin Kebajikan Rakyat KADUN Jawi.

Sejak tahun 2013, lebih 50 unit kerusi roda disumbangkan kepada golongan terpilih.

Itu, tidak termasuk pemberian bantuan persekolahan berupa pakaian seragam dan kasut sekolah kepada murid-murid daripada keluarga yang berpendapatan rendah.

PENDIDIKAN

Seperti orang lain, Lip Chee juga percaya kecemerlangan akademik mampu mengubah nasib masa depan keluarga.

Sambungan di muka surat 26.



KETUA MENTERI ketika merasmikan gelanggang sepak takraw berbumbung di Kampung Bagan Buaya, Changkat.



BERSAMA-sama ahli jawatankuasa dan peserta Program Motivasi dan Teknik Menjawab Soalan Bagi Pelajar Yang Akan Menduduki Peperiksaan UPSR 2016/2017.

Bajet 2017: MBPP tumpu sedia kemudahan awam

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

GEORGE TOWN – Tumpuan utama Bajet 2017 Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah berhubung penyediaan kemudahan awam selain memastikan aktiviti perniagaan kecil menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail berkata, sebanyak 43.9 peratus daripada keseluruhan jumlah perbelanjaan

bajet ditumpukan kepada penyediaan kemudahan awam.

Katanya ketika membentangkannya pada Mesyuarat Khas Majlis di Dewan Bandaraya baru-baru ini, MBPP telah merancang pelbagai projek pembangunan termasuk penyediaan kemudahan awam yang dianggarkan menelan belanja sebanyak RM280.01 juta.

“Antaranya, menyediakan kemudahan orang kurang upaya (OKU) dengan perbelanjaan RM0.50 juta, kerja-

menaiktaraf Balai Rakyat Jalan Patani (RM0.85 juta), Kompleks Sukan Balik Pulau (RM0.36 juta) dan Taman Metropolitan Relau (RM1.00 juta).

“Selain itu, sejumlah RM5.85 juta melalui wang sumbangan tapak penjaja juga disediakan pada tahun hadapan sebagai membuktikan kesungguhan MBPP dalam menguruskan dana pembayaran cukai di negeri ini,” katanya yang turut berikrar meneruskan inisiatif menaiktaraf kompleks makanan dalam menjadikan aktiviti perniagaan kecil sebagai salah satu nafas baharu industri pelancongan negeri di sini.

Menurut Patahiyah, Bajet 2017 merupakan satu bajet defisit sebanyak RM176.15 juta iaitu melibatkan anggaran hasil sebanyak RM466.23 juta berbanding anggaran perbelanjaan sebanyak RM642.38 juta.

“Jumlah defisit ini akan dibiayai dari wang simpanan MBPP dan pada masa sama, kita (MBPP) akan terus meneroka punca-punca hasil baharu dan meningkatkan

usaha lebih proaktif terhadap kutipan dan penguatkuasaan,” jelasnya.

Mengulas lanjut, Patahiyah memaklumkan bahawa MBPP mempunyai tiga punca hasil utama iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Hasil.

“Bagi tahun 2017, MBPP menganggarkan Hasil Cukai dan Terimaan Hasil masing-masing akan meningkat iaitu sebanyak RM216.97 juta atau 46.5 peratus dengan peningkatan sebanyak RM6.66 juta berbanding 2016 (RM210.31 juta).

“Diikuti, anggaran Terimaan Hasil berjumlah RM81.83 juta (17.6 peratus), iaitu peningkatan RM68.29 juta berbanding tahun 2016 (RM13.54 juta).

“Bagi Hasil Bukan Cukai, dianggarkan sebanyak RM167.43 juta atau 35.9 peratus daripada jumlah keseluruhan hasil,” jelasnya.

Menurut Patahiyah, Bajet 2017 MBPP adalah mengikut peruntukan Seksyen 55 Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang dipersetujui Ahli Majlis Dewan Mesyuarat Khas MBPP.



AHLI-ahli pasukan perahu naga MBPP pada majlis penerimaan bendera sebelum berlangsungnya kejohanan antarabangsa berkaitan.

Pasukan Perahu Naga & Paintball MBPP beraksi cemerlang

GEORGE TOWN – Pasukan perahu naga Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berjaya mengharumkan nama negeri apabila beraksi cemerlang di 2016 Shanghai International Chinese Dragon Boat Invitational Tournament baru-baru ini.

Kedua-dua pasukan yang mewakili MBPP masing-masing berjaya menempa nama di kedudukan ke-tujuh keseluruhan untuk Kategori Kumpulan A dan tempat ke-tujuh (Kategori Kumpulan B).

Datuk Bandaraya MBPP, Dato' Patahiyah Ismail berkata, dua pasukan tersebut merupakan pasukan tunggal dari Malaysia yang menyertai kejohanan tersebut.

“Secara keseluruhan, sebanyak 16 pasukan berentap bagi merebut kejuaraan dalam Kategori Kumpulan A yang memperuntukkan jarak pertandingan sejauh 500 meter dan (Kategori) Kumpulan B (10 pasukan, 5 kilometer).

“Bagi kejayaan berada di kedudukan keenam, pasukan berkaitan menerima hadiah wang tunai bernilai RM10,000 dan piala,

manakala bagi tempat ke-tujuh Kategori Kumpulan B (RM8,000 serta piala),” kata beliau sebelum berlangsungnya Mesyuarat Biasa Majlis di sini baru-baru ini.

Kejohanan yang berlangsung pada 21 hingga 25 September lalu di Sungai Cao Gang Rover, Wilayah Qing Pu, Shanghai, China tersebut menyaksikan pertembungan 26 kumpulan pendayung profesional antarabangsa, antaranya dari China, Taiwan, Macau, Filipina, Russia, Canada, Korea Selatan, Australia, Hong Kong dan Singapura.

Dalam perkembangan lain, Patahiyah turut memuji kejayaan pasukan Paintball MBPP yang berjaya muncul sebagai naib johan pada Kejohanan Thailand Paintball Official Circuit – Gelkaps Phuket International 2016 di Surin Beach, Phuket, Thailand.

Kemenangan tersebut membolehkan pasukan MBPP membawa pulang hadiah wang tunai USD\$1,000.00 berserta piala dan pingat.



GAN Ay Ling dan A. Kumaresan bergambar kenangan bersama-sama para peserta Perlawanan Boling Persahabatan Wanita Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Kejohanan boling erat silaturahim Brigid Wanita Bayan Baru

Gambar : AMANDA KHONG XIA LING

ERAT HUBUNGAN... Seramai 60 ahli Brigid Wanita Bayan Baru menyertai Perlawanan Boling Persahabatan Wanita Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Gan Ay Ling selaku penggerusi pengajur berkata, pengajuran berkaitan bukan hanya bertujuan

menggalakkan wanita aktif bersukan, malah untuk mengeratkan hubungan silaturahim sesama ahli.

Turut sama, Ahli Majlis bagi MBPP, A. Kumaresan.

Ay Ling menyatakan bahawa pihaknya akan sedaya-upaya memartabat dan memperkasakan Brigid Wanita Bayan Baru supaya menjadi sebuah pasukan yang aktif di negeri ini.

Semarakkan integriti awam, MBM MPSP ‘live Facebook’

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

SEBERANG JAYA – Buat julung-julung kalinya, Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang berlangsung baru-baru ini disiarkan secara langsung di laman *Facebook* rasmi pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut di sini.

Mengulas lanjut, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berharap inisiatif terbaru itu akan terus meningkatkan amalan integriti serta mutu perkhidmatan anggota-anggota MBM PBT berkenaan.

“Tujuannya (siaran langsung) adalah untuk memberi ketulusan, biar Mesyuarat Penuh MPSP ini, selain boleh disertai oleh semua orang secara

terbuka...keterbukaan ini juga boleh dicapai melalui *live streaming* di *Facebook* @mpsp.penang,” jelasnya selepas mempengerusikan MBM Majlis di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, Maimunah turut memuji mutu perbahasan barisan Ahli Majlis MPSP yang begitu interaktif, ketika sesi perbahasan isu pusat hiburan, kafe siber, mesin simulator judi yang beroperasi tanpa lesen di sekitar Seberang Perai.

Beliau memberitahu, MPSP akan bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi membanteras iklan-

iklan peminjam wang ‘along’ yang dipaku pada pokok sekitar bahagian Seberang Perai, secara bersepadu.

“Buat masa kini, sebanyak 42 nombor telefon telahpun dikenal pasti oleh Majlis untuk tindakan selanjutnya dan kita (MPSP) telahpun dikemukakan kepada SKMM pada 24 Ogos lalu,” jelasnya.

Pada 14 Januari lalu, sebanyak

357 iklan ditanggalkan dalam operasi MPSP bersama-sama PDRM. Dalam operasi bersepadu pada 16 hingga 18 Ogos lalu pula, sebanyak 566 iklan yang dipakukan di 109 pokok turut ditanggalkan.

MPSP secara puratanya menanggalkan sejumlah 68,863 iklan saban tahun, tanpa penyelesaian konkrit sebelum ini.



PARA wakil ‘Sekolah Hijau’ merakamkan gambar kenangan bersama Maimunah Mohd. Sharif (barisan depan, lima dari kiri) selepas Majlis Penyerahan Kotak Kitar Semula Kepada ‘Sekolah Hijau’ di sini baru-baru ini.

MPSP serah kotak kitar semula kepada ‘Sekolah Hijau’

Gambar : DARWINA MOHD DAUD

SEBERANG JAYA – Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif baru-baru ini menyerahkan sejumlah 14,475 kotak kitar semula kepada semua ‘Sekolah Hijau’ bagi Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Tengah (SPT).

Menurut beliau, MPSP pada 29 Ogos lalu telah menyerahkan 2,740 kotak kepada 37 ‘Sekolah Hijau’ membabitkan Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) sahaja.

“Kotak kitar semula hendaklah diletakkan di setiap kelas dan bilik guru bagi mengumpul barang kitar semula.

“MPSP berharap inisiatif ini akan membantu meningkatkan kutipan barang kitar semula sekolah dan

secara tidak langsung dapat menaikkan kadar kitar semula negeri Pulau Pinang,” ujarnya pada Majlis Penyerahan Kotak Kitar Semula Kepada Sekolah Hijau Peringkat Seberang Perai di sini baru-baru ini.

Beberapa Ahli Majlis bagi MPSP turut hadir pada majlis rasmi tersebut.

Mengulas lanjut, Maimunah memberitahu, semua kotak kitar semula yang diserahkan oleh MPSP itu adalah sumbangan korporat syarikat GS Paper & Packaging Sdn. Bhd..

“Program 4P ini (yang disebut) ‘Public, Private, People, Partnership’ akan berjaya jika ketiga-tiga entiti ini, iaitu MPSP, GS Paper And Packaging Sdn. Bhd. dan murid-murid sekolah menjadi rakan kongsi,” jelasnya.

Selain amalan kitar semula, Maimunah menyatakan bahawa semua ‘Sekolah Hijau’ diseru melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di sekolah masing-masing.

MPSP tubuh badan bertindak bersepadu tangani pusat hiburan, judi haram



P. David Marshel (kiri) dan M. Satees.

SEBERANG JAYA – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menuahkan Badan Bertindak Pelesenan dan Penguatkuasaan Hiburan dan Kafe Internet secara bersepadu, dengan menjemput wakil Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kewangan Negeri, Pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Imigresen Malaysia serta beberapa agensi penguatkuasaan luar lain untuk turut serta.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, hasil penubuhan badan bertindak itu antara lain adalah menyediakan draf garis panduan yang ditambah baik untuk dibentangkan ke peringkat Majlis bagi tujuan kelulusan kelak.

“(Badan bertindak ini turut) membincangkan isu-isu penguatkuasaan, sehingga kini inventori premis hiburan simulator telahpun dikemaskini dan operasi penguatkuasaan akan diambil mengikut keutamaan berdasarkan senarai tersebut,” katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Setiausaha Perbandaran, Sr. Rozali Mohamud dan barisan Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan turut serta dalam sidang media bersama tersebut.

Maimunah memberitahu, MPSP turut

meluluskan cadangan badan bertindak untuk membekukan permohonan baharu dan permohonan yang masih dalam proses sejak 1 September lalu.

“MPSP memberi sepenuhnya komitmen bagi menangani masalah kewujudan premis hiburan simulator tanpa lesen dan premis yang berlesen tetapi tidak mematuhi syarat-syarat pelesesan,” jelasnya sambil menasihatkan pengusaha premis hiburan ‘haram’ supaya memberhentikan operasi masing-masing bagi mengelak tindakan penguatkuasaan lanjut kelak.

Dua Ahli Majlis MPSP, P. David Marshel dan M. Satees yang dilihat lantang dalam isu berbangkit ini sejak tiga tahun lepas berharap komitmen terbaru PBT serta semua agensi penguatkuasaan luar berwajib lain mampu menangani kebanjiran pusat hiburan, operasi mesin perjudian simulator tanpa lesen, penjualan arak murah di ketiga-tiga daerah Seberang Perai.

Dalam perkembangan berkaitan, Pasukan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong pada 17 September lepas mengemukakan Laporan Pemetaan Premis-Premis Yang Disyaki Menjalankan Aktiviti Judi Sekitar Bukit Mertajam kepada MPSP dan PDRM.

Exco gesa Pusat tangani isu keciciran pelajar cemerlang ke universiti awam

Oleh : SYARAFANA ALI
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

PADANG LALANG – Isu keciciran pelajar cemerlang Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) daripada senarai kelayakan, akibat kelemahan pada sistem aplikasi permohonan masuk ke Universiti Awam wajar ditangani Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng berkata demikian ketika mengulas mengenai keciciran nama Ong Zhang Ye, 21, bekas pelajar Sekolah Menengah (SM) Impian Bukit Mertajam yang mendapat purata nilai gred kumulatif (CGPA) 4.0 dalam STPM.

“Sungguhpun beliau (Zhang Ye) mendapat CGPA 4.0, namun aplikasi kemasukan ke sembilan universiti pilihan beliau ditolak dengan alasan kekurangan skor merit, walaupun berjaya

mencapai gred A dalam kurikulum.

“Sistem pemarkahan pendidikan agak diragu-ragukan, kerana walaupun pemarkahan kurikulum mencapai gred A, beliau masih ditempatkan di kedudukan yang ke-2,000,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang pada majlis sidang media khas di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.

Chong Eng menegaskan, negara akan kehilangan lebih ramai bakat tempatan yang cemerlang dalam akademik di peringkat sekolah, sekiranya kelemahan pada sistem aplikasi memohon masuk ke universiti awam tersebut gagal ditangani di peringkat Kerajaan Persekutuan.

“Negara-negara lain sedia mengundang dan berusaha untuk membentuk bakat mereka, apakah lagi apabila seseorang itu mempunyai bakat dan minat dalam sesuatu subjek.



CHONG Eng (kanan sekali) dan Steven Sim Chee Keong (dua dari kanan) meneliti surat tawaran Ong Zhan Ye (tengah) pada majlis sidang media khas di sini baru-baru ini.

“Bagaimana negara hendak lebih maju jika kita tidak mengambil inisiatif untuk mengekalkan calon-calon yang berpotensi?,” soalnya sambil menyeru Kerajaan Persekutuan memberikan perhatian yang lebih terhadap keskes berkaitan pada masa hadapan.

Pada majlis itu, Chong Eng diiringi Steven Sim menyampaikan bantuan pendidikan kepada ahli

keluarga Zhan Ye.

Difahamkan, Zhan Ye kini sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Malaysia Sabah (UMS), namun bukan dalam kursus pilihan utama beliau.

Sambungan dari muka surat 23.

Justeru, beliau turut menganjurkan Bengkel Menjawab Soalan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) membabitkan murid pelbagai bangsa di Dewan Serbaguna JKKK Jawi dekat Perkampungan Jawi pada bulan Ogos lalu.

Itu, tidak termasuk kelas tambahan percuma dua kali seminggu di Dewan JKKK Air Lintas dan Taman Inderawasih.

Selain itu, Lip Chee memberitahu pihaknya dengan sokongan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bukit Panchor dan JKKK Byram Taman Bistari turut menubuhkan Sudut Ilmu di kawasan penempatan masing-masing.

“Kita turut menganjurkan sesi cerita dan pertunjukkan drama dalam komuniti... kita keluar peruntukan membeli bahan bacaan pelbagai bahasa untuk kegunaan Perpustakaan Awam Cawangan Jawi.

“Sejak tahun 2013, empat Pusat Sumber Alam Sekitar turut ditubuhkan di kawasan JKKK Jawi, JKKK Bukit Panchor, Komuniti Changkat dan JKKK Sanglang setelah projek pendidikan komuniti mengenai amalan kitar semula berjaya dilaksanakan,” ujarnya.

HARAPAN

Lip Chee berharap inisiatif beliau menganjurkan empat perayaan besar membabitkan umat Islam, komuniti Cina serta pengikut agama Hindu dan Kristian saban tahun akan terus menyemarakkan keharmonian masyarakat di KADUN Jawi.

“Ucapan selamat menyambut semua perayaan ini kita semarakkan atas semangat harmoni di skrin LED besar yang dipasangkan di Jalan Atas Nibong Tebal dan papan tanda Selamat Datang Ke Nibong Tebal di kawasan saya,” ulasnya lanjut.

Selain itu, beliau melahirkan rasa syukur kerana usahanya membangkitkan isu di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang mengenai perihal penting menjadikan Jawi sebagai hab industri ringan akhirnya mendapat

perhatian Kerajaan Negeri hari ini.

“Memang kawasan perindustrian di Jawi hanya 5 peratus sahaja di Bukit Panchor, maka anak muda yang mempunyai diploma dan ijazah sarjana muda hari ini terpaksa keluar ke bandar untuk pekerjaan.

“Setiap kali sidang mesyuarat DUN, saya senantiasa menyuarakan harapan penduduk Jawi supaya turut menjadi kawasan perindustrian ringan, dan harapan itu nampaknya diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri hari ini.

“Tetapi dalam tempoh 10 tahun lagi, Jawi akan muncul sebagai hab industri ringan pada ‘Bandar Satelit’ di Batu Kawan kerana ia sudah ada dalam perancangan masa depan negeri,” ujar Lip Chee.



MENYUMBANGKAN vest keselamatan kepada penunggang basikal sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri di Kampung Bagan Buaya.



MENYAMBUT perayaan Ponggal bersama-sama komuniti India di Taman Bistari Nibong Tebal.

Laksana asing sisa, jana pendapatan sampingan

SEBERANG JAYA – Persatuan penduduk mampu menjana pendapatan sampingan dengan melaksanakan amalan pengasingan sisa di punca, sebagaimana dikuatkuasakan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin berkata demikian pada Majlis Taklimat Pengasingan Sisa Di Punca dan Seberang Jaya Sihat dekat Dewan Blok O-T Pangaspuri Permata Bandar Perda di sini baru-baru ini.

“Melalui dasar ini, hanya sisa baki sahaja yang akan dihantar ke (Tapak Pelupusan Sampah) Pulau Burung.

“Namun, pengasingan dan pengumpulan sisa yang boleh dikitar semula boleh menjana pendapatan sampingan kepada persatuan penduduk dan JKKK di sini,” katanya yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan pada majlis berkaitan.

Turut serta, Yang di-Pertua MPSP, Dato’ Maimunah Mohd. Sharif, dua Ahli Majlis MPSP, Alias Wan Chek dan Shuhada Abdul Rahim serta Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Simpang Empat, Azhar Che Mat.



DR. Afif Bahardin (tengah, berkemeja putih), Maimunah Mohd. Sharif (depan, bertudung batik), ahli-ahli jawatankuasa penganjur dan para peserta bergambar kenangan pada penganjuran Majlis Taklimat Pengasingan Sisa Di Punca dan Seberang Jaya Sihat di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Maimunah memberitahu, Dasar Pengasingan Sisa Di Punca mula dilaksanakan pada 1 Jun lalu dan akan dikuatkuasakan sepenuhnya pada 1 Jun 2017.

Melalui dasar tersebut, beliau berharap warga Seberang Perai terus mencari jalan

untuk mengurangkan keterhasilan sampah di rumah masing-masing, sekaligus membantu MPSP menjimatkan sumber dana awam pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

“MPSP mampu menjimatkan kira-kira RM11,110 tipping fee

dalam sehari jika 50 peratus daripada 1,100 tan metrik sampah yang dihantar ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung berjaya dikurangkan.

“Jika penduduk boleh membantu MPSP mengurangkan keterhasilan sampah harian pada 550 tan metrik sehari, ertiya jumlah *tipping fee* dalam tempoh sebulan yang berjaya dijimatkan adalah kira-kira RM333,000 dan mencecah RM4 juta untuk setahun,” jelasnya sambil menganggap amalan kitar semula dan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang dilaksanakan sebelum ini berjaya mengurangkan keterhasilan sisa baki di Seberang Perai.

Tambah Maimunah, berat kutipan sampah MPSP dalam tempoh Januari hingga Mei 2015 direkodkan berjumlah 189,240.46 tan, berbanding tempoh sama pada tahun ini seberat 172,232.56 tan, dengan angka penurunan dicatatkan sebanyak 17,008 tan.

Kadar kitar semula MPSP dan Pulau Pinang masing-masing direkodkan antara paling tinggi di Malaysia, iaitu 39 peratus dan 32 peratus.

3 keluarga mangsa ribut terima bantuan

Gambar : **LAW SUUN TING**

DATUK KERAMAT – Nasib tiga keluarga yang menjadi mangsa kejadian ribut pada 18 September lalu di Jalan Makloom memperoleh perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKM) di sini baru-baru ini.

Jagdeep ketika ditemui berkata, ketiga-tiga keluarga itu menerima bantuan kewangan berdasarkan kerosakan yang dialami selepas dinilai pihak JKM.

“Saya difahamkan, sebuah rumah mengalami kerosakan teruk, manakala dua yang lain kerosakan kecil melibatkan premis perniagaan,” katanya ketika meninjau

kawasan terbabit baru-baru ini.

Tambah Jagdeep, pihaknya berterima kasih kepada JKM atas keprihatinan menghulurkan bantuan bencana serta barang keperluan harian kepada semua mangsa terlibat dalam tempoh yang singkat.

Seorang mangsa, Nasar Mohd. Yasin, 61, menyatakan bahawa hujan lebat dan angin kencang telah menyebabkan pokok di hadapan rumahnya tumbang dan menghempap kediamannya.

Beliau menerima sumbangan tunai bernilai RM500 daripada JKM dan tambahan RM500 daripada Jagdeep selaku ADUN kawasan berkaitan.

Dua mangsa lain, A. Chinnathamby, 49, menerima RM600, manakala A. Manogaran, 57, RM200.



JAGDEEP Singh Deo (tujuh dari kanan) sambil ditemani wakil-wakil JKM dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat menyampaikan bantuan kepada mangsa-mangsa ribut Jalan Makloom di sini baru-baru ini.



DR. Afif Bahardin (berkemeja merah hati) menyertai perarakan tanglung bersama-sama penduduk pada sambutan Pesta Tanglung anjuran pusat khidmatnya di sini baru-baru ini.

Reka cipta tanglung guna bahan kitar semula dapat sambutan

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

KREATIF... Seramai 20 peserta cilik menunjukkan bakat masing-masing pada Pertandingan Mereka Cipta Tanglung Menggunakan Bahan-bahan Kitar Semula anjuran Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

ADUNnya, Dr. Afif Bahardin memberitahu, penyertaan pada tahun ini adalah lebih menggalakkan dengan

kepelbagai reka bentuk tanglung.

“Selain pertandingan berkaitan, perayaan Pesta Tanglung yang merupakan acara tahunan di sini turut mengumpulkan pelbagai lapisan masyarakat berbilang kaum di sini,” ujarnya yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan.

Turut diadakan, pertandingan memakan kuih bulan paling cepat, peraduan menekar jumlah kacang dan perarakan membawa tanglung mengelilingi padang permainan di Lintang Tenggiri di sini.

Belia berkira-kira belanja beli rumah atau guna pengangkutan awam

RATA-rata belia graduan universiti mengimpikan gaji bulanan pertama mereka antara RM3,500 hingga RM4,500 untuk hidup selesa di bandar-bandar maju, seperti Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Malah, kajian atas talian portal pada tahun lalu mendapati graduan universiti ada yang menginginkan pendapatan tetap lebih dari itu, setinggi RM6,500 sebulan.

Pun begitu, realitinya rata-rata majikan hanya menawarkan purata gaji antara RM1,800 hingga RM2,500 untuk belia lepasan universiti.

Dengan purata gaji sebegini, sudah pasti golongan muda terpaksa mengikat perut, berkongsi sewa rumah atau tinggal di rumah keluarga, mengawal kuasa membeli.

Ini, demi memastikan gaji bulanan yang diperoleh cukup untuk menjimatkan sumber pendapatan gaji yang tidak lebih RM2,500 sebulan, jika cadangan Kerajaan Negeri hari ini untuk membina pelbagai mod pengangkutan awam di Pulau Pinang.

Contoh paling ketara, harga secawan ‘*kopi peng*’ di George Town pada lima tahun lalu RM1.20 sahaja, tetapi kini jika ditawarkan dengan harga RM1.70 pun sudah cukup baik.

Kenaikan kadar sewa hartanah jenis bangunan warisan di George Town mengakibatkan pengusaha rata-rata kafe eksklusif menawarkan harga secawan kopi yang sama antara RM5 hingga RM12.

Kalau di kedai-kedai yang mempunyai jenama tersohor, secawan kopi boleh mencecah RM18. Ini realitinya.

Maka tidak hairanlah, data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia mendedahkan bahawa purata perbelanjaan bulanan isi rumah dalam tempoh tahun 2009 hingga 2014 mencecah 59 peratus, bahkan realitinya lebih dari itu.

Jika perbelanjaan pekerja lepasan ijazah untuk makan minum, sewa rumah, sewa kenderaan peribadi menelan lebih 59 peratus gaji bulanan, berapakah jumlah duit simpanan pasif mereka setiap bulan.

Tapi, bersediakah belia mengubah tabiat bergerak dengan menggunakan



ROHANADIAH.



Penggunaan Isi Rumah Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia).

pengangkutan awam untuk menjimatkan sumber pendapatan gaji yang tidak lebih RM2,500 sebulan, jika cadangan Kerajaan Negeri hari ini untuk membina pelbagai mod pengangkutan awam di Pulau Pinang?

Responden sulung yang mahu dikenali sebagai ROHANADIAH, seorang eksekutif, 26, memberi reaksi sebenar ketika diwawancara oleh wartawan akhbar Buletin Mutiara, ZAINULFAQAR YAACOB di George Town baru ini.

“Sejujurnya, (gaji bulanan) RM2,500 tidak cukup, tetapi kita perlu mencari jalan untuk menyimpan (sejumlah duit gaji) serta lebih berjimat-cermat dalam berbelanja,” ujarnya.

Rohanadiah bagaimanapun mempunyai alasan tersendiri untuk berjimat-cermat, tetapi tidak dengan cara menggunakan kenderaan awam atau berkongsi kereta.

“Saya lebih suka memandu kenderaan (peribadi) kerana lebih menjimatkan masa, kalau kongsi kereta pun bukan sesuatu yang masalah bagi saya.

“Pun begitu, jika ada pengangkutan awam yang sesuai ke tempat saya bekerja, saya akan menggunakan kerana ia lebih menjimatkan wang daripada dihanguskan untuk minyak petrol dan tol (jika menggunakan kenderaan peribadi seperti sekarang),” jelas beliau.

Sebagaimana diketahui umum, Kerajaan Negeri hari ini cuba merealisasikan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) untuk menangani cabaran trafik pada waktu puncak kini sehingga tahun 2050.

Konsortium SRS dilantik sebagai rakan pelaksana projek (PDP) untuk pelan pembangunan bercampur di bawah PIP, antaranya, pembinaan transit aliran ringan (LRT) dari Komtar ke Lapangan Terbang

Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dekat Bayan Lepas, monorel dan sistem aliran bas transit (BRT) ke seluruh pelusuk negeri ini.

Realitinya, dengan gaji bulanan serendah RM2,500, ia tetap mendorong rata-rata pekerja lepasan ijazah untuk memiliki kereta mewah sendiri dengan kadar sewa beli antara RM500 hingga RM1,000.

Secara kira-kira, tanpa membeli sebuah kereta nasional Perodua Myvi dengan kadar sewa bulanan sejumlah RM540 umpsamanya, seseorang boleh menjimatkan sumber pendapatan sejumlah RM45,360 dalam tempoh bayaran balik tujuh tahun. Bayangkan!

Mungkin inilah antara perkiraan sesetengah belia yang ingin kuasa membeli dan menyimpan lebih sumber pendapatannya, dengan bergerak menggunakan kenderaan awam tiap-tiap hari.



KOK HIN.

KOK HIN, 24, kebiasaannya ke tempat kerja dengan menggunakan bas RapidPenang menyebabkan beliau kian mahir menggunakan bas awam berbayar utama tersebut sekarang.

Malah, dengan pengurusan waktu secara strategik menyebabkan waktu perjalanan lebih lancar ke destinasi, berbanding rakan-rakan yang menempuh trafik sesak dengan

menggunakan kenderaan peribadi.

“(Penggunaan bas awam) sebenarnya boleh, maksud saya adalah saya tidak fikir seseorang sanggup menunggu selama 15 minit, tetapi tempoh menunggu berganjak 10 minit atau lima minit lagi, saya fikir mereka (pekerja lepasan universiti) mungkin tiada kecenderungan untuk menggunakan pengangkutan awam.

“Jika masa menunggu dipercepatkan, serta perjalanan boleh lancar sampai ke destinasi tepat pada masanya, ya saya akan menggunakan awam,” jelasnya.

Tambah Syamala, memperbaikkan mod pengangkutan awam di Pulau Pinang mampu merealisasikan idea ‘Moving People, Not Car’.

Seorang lagi responden dikenali NIDHAL, 25, memberitahu kecenderungan belia menggunakan pengangkutan awam akan mendorong mereka menjadikan impian memiliki kereta mewah sebagai perkara yang tidaklah begitu penting.

Pekerja lepasan universiti, katanya, mungkin akan bersahaja memenuhi kelayakan untuk membuat pinjaman perumahan bank dan memiliki rumah mampu milik impian masing-masing.

“Kerajaan perlu menyediakan beberapa insentif kepada kita.

“Sekurang-kurangnya, Kerajaan perlu mencari jalan untuk membantu mempercepatkan (proses kelulusan) pinjaman perumahan kerana tidak semua bertuah untuk memiliki rumah impian dengan pendapatan bulanan kira-kira RM2,000.

“Lebih malang, jika gaji serendah RM1,800 atau lebih rendah daripada kadar itu... saya fikir Kerajaan perlu memikirkan isu gaji rendah untuk belia hidup dengan kos sara yang agak tinggi,” jelas beliau.



SYAMALA.

Nada yang sama turut dikongsikan oleh AHMAD FIKRI, 24.

Menurutnya, Kerajaan Negeri sendiri perlu menyediakan kredit pinjaman perumahan bagi membolehkan lebih ramai pekerja lepasan ijazah dengan gaji serendah RM2,500 layak memiliki rumah impian sendiri.

Lagipun katanya, ketika ini, kadar penolakan permohonan pinjaman perumahan bank melebihi 60 peratus.

Beliau mengesyorkan Kerajaan Negeri supaya membina rumah mampu milik selesa untuk disewa oleh belia pada kadar yang minimum, sesuai dengan gaji mereka di bawah RM2,500.